

(i)

ENAKMEN PERIKANAN DARAT DAN AKUAKULTUR 2003

SUSUNAN FASAL-FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuatkuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

PENTADBIRAN

3. Pengarah Perikanan dan pegawai-pegawai lain.
4. Tanggungjawab Pengarah.
5. Perwakilan kuasa oleh Pengarah.
6. Pemberikuasaan oleh Pengarah.

BAHAGIAN III

PELAN PERIKANAN DAN PELAN PEMBANGUNAN AKUAKULTUR

7. Pelan Perikanan.
8. Pelan pembangunan akuakultur.

BAHAGIAN IV

AKUAKULTUR

9. Penetapan Zon Industri Akuakultur.
10. Permit akuakultur.
11. Pengeluaran lesen sebelum memulakan operasi.
12. Penggunaan deposit untuk rektifikasi dan pengurangan.

(ii)

13. Perubahan syarat-syarat permit dan lesen.
14. Kehendak untuk mengemukakan laporan penilaian kesan alam sekitar, lesen, permit atau kebenaran.
15. Penggantungan lesen.
16. Pembatalan permit atau lesen.
17. Pemegang lesen membekalkan maklumat.
18. Pemberhentian operasi premis akuakultur.
19. Premis akuakultur dibina secara tidak sah.
20. Lesen tidak akan dikeluarkan di mana halangan atau rintangan boleh berlaku.

BAHAGIAN V

PENANGKAPAN IKAN SUNGAI DAN PERIKANAN

21. Lesen berkenaan dengan kelong ikan, peranti mengumpul ikan atau peralatan menangkap ikan.
22. Larangan menggunakan peralatan menangkap ikan yang ditolak atau ditarik, dsb.
23. Larangan menggunakan bahan letupan atau bebalang letupan.
24. Larangan menggunakan bahan kimia beracun.
25. Larangan dalam milikan bahan letupan, bebalang letupan, bahan kimia beracun atau alat dilarang.
26. Larangan jualan atau peletakan dalam pasaran ikan yang ditangkap dengan menggunakan bahan letupan atau bebalang letupan atau bahan beracun semulajadi atau bahan kimia beracun.
27. Permohonan lesen berkenaan dengan kelong ikan, peranti mengumpul ikan atau alat menangkap ikan tidak bergerak.
28. Lesen berkenaan dengan peralatan menangkap ikan selain daripada kelong ikan, peranti mengumpul ikan atau alat menangkap ikan tidak bergerak.
29. Penggunaan deposit untuk rektifikasi dan pengurangan.
30. Perubahan syarat-syarat lesen.
31. Arahan-arahan berkaitan dengan pengurusan perikanan.
32. Tidak memulakan operasi menangkap ikan.
33. Keengganan untuk mengeluarkan atau memperbaharui lesen.
34. Spesifisiti lesen.
35. Perisytiharan Zon Pengurusan Perikanan Komuniti.
36. Jawatankuasa untuk mentadbir Zon Pengurusan Perikanan Komuniti.
37. Kesalahan-kesalahan dalam Zon Pengurusan Perikanan Komuniti.

(iii)

BAHAGIAN VI
KAWALAN IKAN

38. Ikan diisytiharkan sebagai ikan air tawar.
39. Import dan eksport ikan air tawar hidup.
40. Spesis dilarang tidak boleh dikultur, dsb.
41. Spesis dilindungi tidak boleh ditangkap, dsb.
42. Spesis dikawal tidak boleh dikultur tanpa permit.
43. Permohonan permit untuk mengkultur spesis dilindungi atau dikawal.
44. Milikan spesis dilarang, dilindungi atau dikawal.
45. Rampasan ikan yang ditentukan sebagai spesis dilarang, dilindungi atau dikawal.
46. Pelepasan tidak sah spesis bukan baka tempatan.

BAHAGIAN VII
KAWALAN PENYAKIT-PENYAKIT IKAN

47. Kawasan kawalan yang ditetapkan dan larangan pergerakan.
48. Premis akuakultur disyaki dijangkiti penyakit ikan.
49. Premis akuakultur dijangkiti penyakit ikan.
50. Kegagalan mematuhi kehendak-kehendak.
51. Tanggungjawab untuk memaklumkan apa-apa kematian luar biasa atau simptom di kalangan ikan.
52. Pengarah memberi notis untuk menghapuskan, memusnahkan dan menyahjangkit.
53. Perisytiharan suatu kawasan di mana pengambilan ikan dan hidupan akuatik dilarang.
54. Larangan menjual ikan yang berpenyakit.

BAHAGIAN VIII
PERLINDUNGAN HABITAT IKAN

55. Aktiviti yang mengakibatkan perubahan yang memudaratkan, mengganggu atau memusnahkan habitat ikan.
56. Larangan untuk membuang ke dalam laut balast, sampah sarap, lumpur, dsb.
57. Melepaskan atau meletakkan bahan memudaratkan di perairan sungai.
58. Pengarah menghendaki rancangan-rancangan.
59. Tanggungjawab untuk melaporkan pelepasan bahan memudaratkan dengan tidak sengaja atau lalai.

(iv)

60. Tanggungjawab untuk mengambil tindakan yang sesuai untuk melindungi dan memulihara ikan.
61. Kuasa Pengarah untuk mengambil atau mengarahkan tindakan peremedian.
62. Kos yang ditanggung oleh Kerajaan.
63. Perlindungan tumbuh-tumbuhan berbuah.
64. Perlindungan habitat-habitat ikan – batu-batu sungai.

BAHAGIAN 1X SANKTUARI IKAN

65. Sanktuari Ikan.
66. Tiada pemberimilikan tanah, penanaman atau pembinaan bagi sanktuari ikan atas penyarannya dalam *Warta*.
67. Pengambilan tanah secara wajib.
68. Pelan pengurusan.
69. Penandaan sempadan sanktuari ikan.
70. Sekatan kediaman dan kemasukan ke dalam sanktuari ikan.
71. Penangkapan ikan atau penuaian tumbuhan secara tidak sah dalam sanktuari ikan.
72. Tindakan-tindakan lain yang dilarang dalam sanktuari ikan.
73. Penggunaan secara tidak sah apa-apa spring gun, spear gun dalam sanktuari ikan.
74. Kesalahan-kesalahan alam sekitar dalam sanktuari ikan.
75. Pengecualian sekatan-sekatan dan larangan-larangan berkaitan dengan sanktuari ikan.
76. Tempoh tangguhan.

BAHAGIAN X PENGUATKUASAAN

77. Kuasa untuk memeriksa.
78. Kuasa untuk memasuki, merampas dan menangkap.
79. Senarai geledah.
80. Kuasa untuk menyiasat.
81. Kuasa untuk menghendaki kehadiran saksi.
82. Pemeriksaan saksi.
83. Penerimaan pernyataan dalam keterangan.

(v)

84. Pelupusan barang-barang dirampas yang mudah rosak.
85. Rampasan dan perlucuthakan vesel, kenderaan, artikel atau barang.
86. Pemulangan sementara vesel, kenderaan, artikel atau barang yang dirampas.
87. Kos menahan vesel, kenderaan, artikel atau barang dalam jagaan.
88. Perlucuthakan dan pelupusan vesel, kenderaan, artikel atau barang.
89. Halangan kepada Pengarah atau pegawai yang diberikuasa.
90. Pegawai diberikuasa untuk menunjukkan surat kuasa.
91. Halangan untuk guaman atau tuntutan.
92. Anggapan keterangan berkenaan dengan spesis dilarang atau dilindungi atau dikawal.
93. Kuasa untuk mendakwa.
94. Kuasa untuk mengkompaun.

BAHAGIAN XI

KESALAHAN-KESALAHAN DAN PENALTI

95. Tanggungjawab untuk memberi bantuan.
96. Adalah satu kesalahan membeli ikan yang ditangkap dengan menggunakan bahan letupan, bebalang letupan, bahan beracun semulajadi atau bahan kimia beracun.
97. Tanggungjawab untuk melaporkan kesalahan-kesalahan.
98. Memberi maklumat palsu.
99. Merosakkan dengan sengaja kelong ikan, peranti mengumpul ikan, peralatan menangkap ikan atau kemudahan akuakultur yang berlesen.
100. Kesalahan menangkap ikan lebih kecil daripada saiz yang ditetapkan.
101. Ganjaran dan perlindungan kepada pemberi maklumat.
102. Adalah satu kesalahan memusnahkan keterangan.
103. Anggapan terhadap Nakhoda dan pemunya vesel penangkapan ikan.
104. Hilang kelayakan memegang permit atau lesen.
105. Penggunaan tidak sah permit atau lesen.
106. Penalti am.

BAHAGIAN XII

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN PELESENAN UMUM

107. Daftaran permit-permit dan lesen-lesen.
108. Keesahan tempoh lesen.

(vi)

- 109. Pembaharuan lesen.
- 110. Pertukaran butir-butir pemegang permit atau pemegang lesen.
- 111. Pindahmilik permit atau lesen.

BAHAGIAN XIII

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN UMUM

- 112. Anggapan ketepatan peta-peta, pelan-pelan dan carta-carta.
- 113. Penyampaian dokumen.
- 114. Pengecualian khas.
- 115. Maklumat untuk tujuan statistik.

BAHAGIAN XIV

KUASA-KUASA MENTERI

- 116. Arahan-arahan oleh Menteri.
- 117. Pindaan Jadual.
- 118. Kuasa membuat peraturan-peraturan.

BAHAGIAN XV

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN PENGECCUALIAN

- 119. Premis-premis akuakultur yang sedia ada hendaklah dilesen dari permulaan kuatkuasa Enakmen ini.

JADUAL PERTAMA.

JADUAL KEDUA.

JADUAL KETIGA.

JADUAL KEEMPAT.

JADUAL KELIMA.

JADUAL KEENAM.



NEGERI SABAH

Enakmen Perikanan Darat dan Akuakultur 2003

bernama

Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi pembangunan dan pengurusan yang mapan bagi perikanan darat dan akuakultur di Negeri Sabah, dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dan bersampingan dengannya.

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Badan Perundangan Negeri Sabah seperti berikut:

BAHAGIAN I PERMULAAN

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perikanan Darat dan Akuakultur 2003 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tajuk
ringkas dan
permulaan
kuatkuasa.

Tafsiran.

2. Dalam Enakmen ini, melainkan konteks menghendaki sebaliknya –

“aktiviti akuakultur” ertinya apa-apa aktiviti yang melibatkan pembiakan benih ikan, labi-labi dan katak atau pemeliharaan biak ikan, labi-labi dan katak melalui perusahaan ternak keseluruhan atau sebahagian daripada peredaran hidupnya;

“akuakultur” ertinya pembiakan benih ikan, labi-labi dan katak atau pemeliharaan biak ikan, labi-labi dan katak melalui perusahaan ternak keseluruhan atau sebahagian daripada peredaran hidupnya tetapi tidak termasuk penyimpanan sementara ikan dalam mana-mana kemudahan pegangan;

“alam sekitar” ertinya persekitaran fizikal luaran dan keadaan-keadaan yang mempengaruhi pembangunan dan pertumbuhan manusia dan termasuklah tanah, air, atmosfera, iklim, bunyi, bau, rasa, faktor-faktor biologi haiwan dan tumbuhan dan faktor sosial estetik;

“alat dilarang” ertinya jenis atau kategori peralatan menangkap ikan yang ditentukan sebagai alat dilarang dalam Jadual Ketiga;

“alat menangkap ikan tidak bergerak” ertinya peralatan menangkap ikan yang ditetapkan dengan sauh atau pancang atau diletakkan di atas atau dipacakkan ke dalam tanah terbenam atau dengan cara-cara atau sokongan lain untuk menjadikannya tidak bergerak tetapi tidak termasuk perangkap ikan atau bubu yang mudahalih;

“bahan beracun semulajadi” ertinya apa-apa bahan yang diperolehi, diekstrak atau diambil daripada sumber-sumber semulajadi termasuk tumbuh-tumbuhan dan mineral, dan yang penggunaan atau pemakaiannya adalah beracun kepada ikan dan hidupan akuatik;

“bahan memudaratkan” ertinya –

- (a) apa-apa bahan yang akan menurunkan atau mengubah atau membentuk sebahagian daripada proses penurunan atau perubahan kualiti air yang mengakibatkan atau boleh mengakibatkan mudarat kepada ikan atau habitat ikan;
- (b) apa-apa air yang mengandungi bahan dalam apa-apa kuantiti atau kepekatan, atau yang telah dirawat, diproses atau ditukar, oleh haba atau cara-cara lain, daripada

keadaan semulajadi yang akan, jika ditambah kepada apa-apa air lain, menurunkan atau mengubah atau membentuk sebahagian daripada proses penurunan atau perubahan kualiti air itu yang mengakibatkan atau boleh mengakibatkan mudarat kepada ikan atau habitat ikan;

- (c) apa-apa bahan lain seperti yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*;

“bahan kimia beracun” ertinya apa-apa bahan yang mana dirumuskan, disintesis atau dikilangkan dan yang penggunaan atau pemakaiannya adalah beracun kepada ikan dan hidupan akuatik;

“habitat ikan” ertinya ekosistem di mana ikan lazimnya ditemui, tanah dan tapak semaian benih ikan, pemeliharaan, bekalan makanan dan kawasan-kawasan perpindahan di mana ikan bergantung secara langsung atau tidak langsung untuk menjalankan proses kehidupan mereka;

“hidupan akuatik” ertinya apa-apa organisma hidup atau ikan yang ditemui di perairan darat dan termasuklah tumbuh-tumbuhan dan benda-benda lain di perairan tersebut yang menjadi sumber makanan bagi organisma hidup dan ikan tersebut;

“ikan” ertinya apa-apa hidupan haiwan akuatik atau tumbuhan, sama ada sedentari atau tidak dan termasuklah semua spesies ikan bersirip, krustasia, moluska, mamalia akuatik, atau telur-telur atau benihnya, anak ikan, fingerling, lokan atau benih moluska;

“ikan air tawar” ertinya –

- (a) apa-apa ikan atau spesies ikan yang lazimnya ditemui di perairan darat atau yang sebahagian daripada kehidupannya lazimnya ditemui di perairan darat; dan
- (b) apa-apa ikan atau spesies ikan yang diisytiharkan sebagai ikan air tawar di bawah seksyen 38;

“ikan bukan baka tempatan” ertinya apa-apa ikan yang bukan baka tempatan bagi Negeri Sabah dan termasuklah apa-apa ikan hibrid atau kacukan daripada mana-mana pembiakan buatan ikan tersebut;

“kelong ikan” ertinya apa-apa peranti yang digunakan untuk menangkap ikan yang dibuat daripada pancang atau lain-lain

tiang yang ditanam ke dalam tanah dan dikepung dengan rami, rotan, dawai atau lain-lain bahan pengadang dan direkabentuk sedemikian agar ikan dapat diarahkan ke dalam peranti itu;

“kemudahan akuakultur” ertinya apa-apa kemudahan yang digunakan dalam akuakultur untuk tujuan pengurangan, penyimpanan atau pemeliharaan ikan, labi-labi dan katak yang ditemui dalam premis akuakultur termasuklah raceway, rakit, tangki, sangkar, kolam, koral dan kandang;

“menangkap ikan” ertinya –

- (a) menangkap, mengambil atau membunuh ikan dengan apa-apa cara;
- (b) cuba menangkap, mengambil atau membunuh ikan;
- (c) melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti yang semunasabahnya dapat dijangka mengakibatkan penangkapan, pengambilan atau pembunuhan ikan; atau
- (d) apa-apa gerakan sebagai membantu, atau sebagai persediaan menjalankan, apa-apa aktiviti yang diperihalkan dalam perenggan (a), (b) atau (c) takrif ini;

“menjual atau meletakkan dalam pasaran”, berkaitan dengan ikan, ertinya penyimpanan, dedahan, mempamerkan untuk jualan, menawarkan untuk jualan, menjual, mengkonsain, menghantar atau apa-apa aktiviti lain berhubung pemasaran;

“Menteri” ertinya Menteri yang pada masa itu dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab perikanan;

“pegawai diberikuasa” ertinya mana-mana pegawai yang diberikuasa oleh Pengarah di bawah seksyen 6;

“pelepasan”, bagi maksud Bahagian VIII, ertinya apa-apa perbuatan menyimpan, melepaskan, menyembur, membebaskan, menumpahkan, membocorkan, menyerap, mencurah, mengeluarkan, mengosongkan, membuang, menimbun atau meletakkan;

“pemunya” berkaitan dengan vesel penangkapan ikan, ertinya mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan, oleh siapa vesel itu dimiliki dan termasuklah mana-mana pencarter, subpencarter, penerima pajak atau subpenerima pajak vesel itu;

“pencemar” ertinya apa-apa bahan yang, jika dimasukkan ke dalam mana-mana perairan sungai, boleh mewujudkan bahaya kepada kesihatan manusia atau memudaratkan sumber-sumber hidupan akuatik, atau merosakkan kegunaan atau mengganggu kegunaan sah lain perairan sungai;

“Pengarah” ertinya Pengarah Perikanan dan termasuklah mana-mana orang yang dia wakilkan kuasanya;

“penyakit” ertinya apa-apa keadaan yang memudaratkan kesihatan ikan atau haiwan lain dan menjadi ancaman kepada kepentingan awam dan termasuklah apa-apa penyakit ikan yang diisytiharkan oleh Menteri;

“penyakit ikan”, bagi maksud Bahagian VII, ertinya apa-apa penyakit yang disenaraikan sebagai penyakit ikan dalam Jadual Kedua;

“perairan darat” ertinya perairan mana-mana sungai, jalan air, tasik, takungan air, anak sungai, di pesisir pantai dan termasuklah air bawah tanah;

“perairan perikanan Malaysia” ertinya perairan perikanan Malaysia sepertimana yang ditentukan mengikut Akta Perikanan 1985; Akta 317.

“perairan sungai” ertinya perairan mana-mana sungai, tasik, anak sungai, kolam, dan mana-mana perairan lain dalam Negeri Sabah sama ada semulajadi atau buatan manusia, milikan sendiri atau sebaliknya selain daripada perairan perikanan Malaysia;

“peralatan menangkap ikan” termasuklah jaring ikan, perangkap ikan, dan apa-apa alat, dengan atau tanpa pelampung, boya atau pemberat yang direkabentuk untuk menangkap ikan sama ada dipasang sebagai alat menangkap ikan tetap atau dikendalikan dengan cara bergerak tetapi tidak termasuk peralatan menangkap ikan yang disenaraikan dalam Jadual Keenam;

“perikanan” ertinya mana-mana satu atau lebih stok ikan yang boleh dijadikan sebagai satu unit bagi tujuan pemuliharaan, pengurusan dan pembangunannya termasuklah menangkap ikan untuk mendapatkan stok tersebut, dan akuakultur;

“perikanan darat” ertinya perikanan di perairan sungai;

“pihakberkuasa berkanun” ertinya pihakberkuasa, sama ada terdiri daripada orang perseorangan atau kumpulan orang, yang diwujudkan oleh undang-undang Persekutuan atau Negeri dan menjalankan kuasa-kuasa, menjalankan tugas-tugas atau melaksanakan fungsi-fungsi yang diberikan kepada pihakberkuasa tersebut oleh undang-undang Persekutuan atau Negeri;

“premis akuakultur” ertinya mana-mana tempat yang digunakan untuk tujuan akuakultur;

“pelan pembangunan akuakultur” ertinya pelan pembangunan akuakultur dalam Negeri Sabah yang telah diluluskan oleh Pengarah;

Enakmen No.
6 tahun 1998.

“rizab sungai” ertinya rizab sungai yang diwujudkan di bawah Enakmen Sumber Air Sabah 1998;

“sanktuari ikan” ertinya apa-apa tempat yang diisytiharkan oleh Yang di-Pertua Negeri di bawah seksyen 65;

“spesis dikawal” ertinya apa-apa ikan yang ditentukan sebagai spesis dikawal dalam Jadual Pertama dan termasuklah apa-apa ikan air tawar yang disenaraikan dalam Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesis Terancam Fauna dan Flora Liar;

“spesis dilarang” ertinya apa-apa ikan yang ditentukan sebagai spesis dilarang dalam Jadual Pertama;

“spesis dilindungi” ertinya apa-apa ikan yang ditentukan sebagai spesis dilindungi dalam Jadual Pertama;

“tumbuhan dilindungi” ertinya apa-apa tumbuhan yang ditentukan sebagai tumbuhan dilindungi dalam Jadual Keempat;

“vesel penangkapan ikan” ertinya mana-mana bot, lancang, kapal atau mana-mana vesel yang digunakan, yang dilengkapi untuk digunakan, atau dari jenis yang digunakan untuk -

- (a) menangkap ikan; atau
- (b) menolong atau membantu mana-mana bot, lancang, kapal atau mana-mana vesel dalam melaksanakan apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan penangkapan ikan, termasuk apa-apa aktiviti menyediakan, memproses, menyejuk beku, menyimpan, membekal atau mengangkut ikan.

BAHAGIAN II

PENTADBIRAN

3. (1) Hendaklah ada Pengarah Perikanan yang hendaklah dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri daripada kalangan ahli-ahli Perkhidmatan Awam Negeri. Pengarah Perikanan dan pegawai-pegawai lain.

(2) Hendaklah ada sebilangan pegawai-pegawai sebagaimana perlu atau suaimanfaat untuk pentadbiran sewajarnya Enakmen ini yang hendaklah dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri daripada kalangan ahli-ahli Perkhidmatan Awam Negeri.

4. Pengarah hendaklah bertanggungjawab secara umum untuk menjalankan kuatkuasa peruntukan Enakmen ini. Tanggung-jawab Pengarah.

5. (1) Pengarah boleh, mewakili pelaksanaan apa-apa kuasa yang terletak hak padanya kepada mana-mana pegawai Jabatan Perikanan Negeri. Perwakilan kuasa oleh Pengarah.

(2) Pengarah boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mewakili mana-mana kuasa yang terletak hak padanya kepada mana-mana ahli Jawatankuasa Zon Pengurusan Perikanan Komuniti yang ditubuhkan bawah seksyen 36.

(3) Tiada perwakilan kuasa boleh menghalang Pengarah daripada menjalankan apa-apa kuasa yang telah diwakilkan.

6. (1) Pengarah boleh memberikuasa mana-mana pegawai Jabatan Perikanan Negeri atau mana-mana pegawai awam untuk menjalankan apa-apa fungsi dan kuasa Pengarah. Pemberi-kuasaan oleh Pengarah.

(2) Pengarah hendaklah mengeluarkan surat kuasa kepada setiap pegawai yang diberikuasa.

(3) Pengarah boleh membatalkan surat kuasa yang dikeluarkan kepada pegawai yang diberikuasa atas penamatan pekerjaannya atau untuk apa-apa alasan yang disifatkan patut oleh Pengarah.

BAHAGIAN III

PELAN PERIKANAN DAN PELAN PEMBANGUNAN AKUAKULTUR

7. (1) Pengarah hendaklah menyediakan dan sentiasa mengkaji semula pelan-pelan perikanan berdasarkan – Pelan Perikanan.

(a) maklumat saintifik terbaik yang ada dan dirancang untuk memastikan penggunaan yang optimum akan sumber perikanan, konsisten dengan prinsip-prinsip pemuliharaan dan pengurusan yang baik dan pengelakan penangkapan ikan yang berlebihan; dan

(b) keseluruhan dasar, rancangan dan program pembangunan negeri dan negara.

(2) Setiap pelan perikanan dan setiap ubahsuaian atau penyemakannya hendaklah dilaksanakan selepas kelulusan Menteri.

Pelan pembangunan akuakultur.

8. (1) Pengarah hendaklah menyediakan setiap lima tahun dan sentiasa mengkaji semula rancangan kemajuan akuakultur berdasarkan –

(a) maklumat saintifik terbaik yang ada untuk memastikan pembangunan akuakultur yang mapan konsisten dengan perlindungan alam sekitar yang bertahap tinggi dan prinsip-prinsip pengurusan yang baik; dan

(b) keseluruhan dasar, rancangan dan program pembangunan negeri dan negara termasuklah apa-apa pelan perikanan yang terpakai.

(2) Pelan pembangunan akuakultur hendaklah termasuk –

(a) pernyataan objektif-objektif pelan; dan

(b) strategi untuk mencapai objektif-objektif tersebut.

(3) Pelan pembangunan akuakultur boleh –

(a) memperihalkan atau mengenalpasti mana-mana kawasan yang sesuai untuk akuakultur dan jenis-jenis akuakultur yang mana kawasan itu adalah sesuai;

(b) mengenalpasti kawasan-kawasan yang telah atau boleh ditetapkan sebagai Zon Industri Akuakultur;

(c) memperihalkan penunjuk prestasi yang boleh digunakan untuk memantau takat objektif pelan pembangunan akuakultur yang dicapai;

(d) mengandungi penilaian pelaksanaan pelan pembangunan akuakultur yang terdahulu; dan

(e) termasuk apa-apa perkara lain berkenaan akuakultur yang mana Pengarah memikirkan sesuai.

(4) Apa-apa draf pelan pembangunan akuakultur atau apa-apa pindaan kepada pelan pembangunan akuakultur yang ada, hendaklah dikemukakan kepada Menteri untuk kelulusannya dan atas kelulusan tersebut, Pengarah hendaklah mengeluarkan notis umum untuk komen. Pengarah boleh mempertimbangkan komen tersebut untuk tujuan pelaksanaan.

BAHAGIAN IV

AKUAKULTUR

9. (1) Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*,^{Penetapan Zon Industri Akuakultur.} menetap atau mengisytiharkan satu kawasan sebagai kawasan Zon Industri Akuakultur.

(2) Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, menetap atau mengisytiharkan satu atau lebih kawasan sebagai zon pengaruh berkaitan dengan kawasan Zon Industri Akuakultur dan Menteri boleh mengenakan sekatan-sekatan bagi perindustrian dan pembangunan dan aktiviti-aktiviti lain dalam zon pengaruh untuk melindungi kawasan Zon Industri Akuakultur daripada pencemar yang berpunca daripada zon pengaruh.

10. (1) Mana-mana orang yang berhasrat untuk membina premis akuakultur hendaklah memohon permit kepada Pengarah dalam borang yang ditetapkan.^{Permit akuakultur.}

(2) Atas penerimaan permohonan itu, Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberikuasa boleh membuat tinjauan tapak yang dinyatakan dalam permohonan dan jika Pengarah berpuas hati, dia boleh mengeluarkan permit.

(3) Pengarah boleh menghendaki pemohon untuk memberikan apa-apa maklumat tambahan dan boleh enggan untuk mem-pertimbangkan permohonan sehingga maklumat diterima.

(4) Pengarah dalam mengeluarkan permit boleh mengenakan syarat-syarat sebagaimana yang disifatkannya patut.

(5) Pemohon boleh dikehendaki untuk membayar deposit yang ditetapkan sebelum permit dikeluarkan.

Pengeluaran lesen sebelum memulakan operasi.

11. (1) Pemegang permit tidak boleh memulakan apa-apa aktiviti akuakultur dalam premis akuakultur yang dirujuk dalam permit melainkan dia telah memperolehi lesen yang dikeluarkan di bawah subseksyen (3).

(2) Pemegang permit hendaklah memohon lesen kepada Pengarah dalam borang yang telah ditetapkan.

(3) Pengarah setelah berpuas hati bahawa syarat-syarat dalam permit dipatuhi, dan pembayaran fee yang ditetapkan telah dibayar, Pengarah boleh mengeluarkan lesen.

(4) Tiada lesen dikehendaki bagi apa-apa aktiviti akuakultur yang dirujuk dalam Jadual Kelima.

(5) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau penjara bagi tempoh tidak melebihi dua tahun atau keduanya.

Penggunaan deposit untuk rektifikasi dan pengurangan.

12. (1) Pengarah boleh, mengeluarkan notis menghendaki pemegang permit untuk mengurangkan atau merektifikasi apa-apa kerosakan yang disebabkan kepada alam sekitar atau apa-apa kerosakan yang disebabkan kepada harta, atau untuk merektifikasi apa-apa kerosakan akibat apa-apa pelanggaran syarat-syarat permit.

(2) Jika pemegang permit gagal mematuhi subseksyen (1), Pengarah hendaklah mempunyai akses kepada deposit yang dirujuk dalam seksyen 10(5) untuk melaksanakan subseksyen (1).

(3) Pengarah boleh meminta pemegang permit untuk menambah deposit.

Perubahan syarat-syarat permit dan lesen.

13. (1) Pengarah boleh dengan notis bertulis kepada pemegang permit atau pemegang lesen, mengubah syarat-syarat permit atau lesen jika Pengarah memikirkan bahawa perubahan dikehendaki bagi mengurangkan risiko penyakit merebak di kalangan hidupan akuatik, atau untuk mencegah atau untuk mengurangkan risiko kerosakan yang disebabkan kepada alam sekitar.

(2) Notis untuk hasrat perubahan tersebut hendaklah diberikan kepada pemegang permit atau pemegang lesen.

14. (1) Sebelum Pengarah mengeluarkan permit di bawah seksyen 10 –

(a) di mana pemohon dikehendaki untuk menjalankan penilaian kesan alam sekitar di bawah mana-mana undang-undang bertulis berkenaan dengan pembinaan premis akuakultur, Pengarah boleh menghendaki pemohon untuk mengemukakan satu salinan laporan penilaian kesan alam sekitar tersebut; atau

Kehendak untuk mengemukakan laporan penilaian kesan alam sekitar, lesen, permit atau kebenaran.

(b) di mana pemohon dikehendaki untuk mempunyai lesen, permit atau kebenaran di bawah mana-mana undang-undang bertulis berkenaan dengan pembinaan atau pengendalian premis akuakultur, Pengarah boleh menghendaki pemohon untuk mengemukakan satu salinan lesen, permit atau kebenaran tersebut.

(2) Pengarah boleh enggan mengeluarkan apa-apa permit jika pemohon gagal mematuhi subseksyen (1).

15. (1) Pengarah boleh, dengan notis bertulis kepada pemegang lesen menggantung lesen jika –

Penggantungan lesen.

(a) mana-mana syarat yang dikenakan kepada pemegang lesen tidak dipatuhi; atau

(b) Pengarah mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa penggantungan adalah dikehendaki untuk mengurangkan risiko apa-apa penyakit merebak di kalangan hidupan akuatik, atau untuk mencegah atau untuk mengurangkan risiko kerosakan kepada alam sekitar.

(2) Penggantungan di bawah subseksyen (1) hendaklah bagi suatu tempoh yang ditentukan.

(3) Pengarah boleh membatalkan penggantungan jika Pengarah berpuashati bahawa syarat dalam subseksyen (1)(a) telah dipatuhi atau risiko yang dirujuk dalam subseksyen (1)(b) telah terhenti.

16. (1) Pengarah boleh, dengan notis bertulis kepada pemegang permit atau pemegang lesen, membatalkan permit atau lesen –

Pembatalan permit atau lesen.

(a) jika mana-mana syarat yang dikenakan dalam permit atau lesen masing-masing telah tidak dipatuhi; atau

(b) jika permit atau lesen telah digantung, dan Pengarah menyifatkan tidak boleh bagi penggantungan itu dibatalkan pada masa hadapan yang boleh dilihat.

(2) Mana-mana orang yang terkilan oleh pembatalan permit atau lesen oleh Pengarah boleh merayu kepada Menteri dalam tempoh tiga puluh hari selepas tarikh pembatalan tersebut.

(3) Rayuan itu hendaklah dikemukakan kepada Pengarah yang hendaklah menyampaikan rayuan tersebut kepada Menteri. Rayuan kepada Menteri itu hendaklah mengandungi penghujahan alasan-alasan atau sebab-sebab ketidakpuasan hati, dan apa-apa dokumen yang menyokongnya.

(4) Pengarah boleh membalas penghujahan tersebut dan satu salinan dipanjangkan kepada perayu.

(5) Menteri boleh memutuskan rayuan tersebut berdasarkan penghujahan itu dan dokumen-dokumen yang menyokongnya tanpa menjalankan pendengaran lisan.

(6) Apa-apa keputusan yang dibuat oleh Menteri hendaklah mengambilkira skim had premis akuakultur yang baginya peruntukan tersebut dibuat dalam pelan pembangunan akuakultur.

(7) Pengarah boleh dengan notis bertulis menghendaki pemegang lesen yang lesennya telah dibatalkan untuk memindahkan semua struktur dan kemudahan pada premis akuakultur dan untuk memulihkan tapak premis akuakultur sehingga memuaskan hati Pengarah dalam masa tiga bulan dari tarikh notis tersebut.

(8) Jika Pengarah berpuashati bahawa pemegang lesen mematuhi subseksyen (7), Pengarah hendaklah menyebabkan deposit yang telah dibayar oleh pemegang lesen dibayar balik.

(9) Jika pemegang lesen gagal mematuhi subseksyen (7), Pengarah boleh menyebabkan pemindahan apa-apa struktur atau kemudahan pada premis akuakultur dan untuk tapak premis akuakultur itu dipulihkan, dan apa-apa perbelanjaan yang ditanggung hendaklah ditolak daripada deposit yang telah dibayar oleh pemegang lesen.

(10) Jika perbelanjaan yang ditanggung oleh Pengarah di bawah subseksyen (9) melebihi deposit yang telah dibayar oleh pemegang lesen, apa-apa baki yang belum jelas hendaklah didapatkan balik daripada pemegang lesen sebagai hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan.

Pemegang lesen membekalkan maklumat.

17. Pengarah boleh pada bila-bila masa menghendaki pemegang lesen untuk memberikannya apa-apa maklumat berkenaan dengan aktiviti-aktiviti akuakultur yang dijalankan di bawah tanggungjawab atau kawalan pemegang lesen.

Pemberhentian operasi premis akuakultur.

18. (1) Pemegang lesen yang berhenti mengendalikan premis akuakultur hendaklah dengan segera memaklumkan Pengarah akan pemberhentian itu.

(2) Pemegang lesen yang berhenti mengendalikan premis akuakultur hendaklah memindahkan semua struktur dan kemudahan pada premis akuakultur dan memulihkan tapak premis akuakultur itu sehingga memuaskan hati Pengarah dalam masa tiga bulan dari tarikh pemegang lesen tersebut berhenti untuk mengendalikan premis akuakultur itu.

(3) Jika Pengarah berpuashati bahawa pemegang lesen mematuhi subseksyen (2), Pengarah hendaklah menyebabkan deposit yang telah dibayar oleh pemegang lesen dibayar balik.

(4) Jika pemegang lesen gagal mematuhi subseksyen (2), Pengarah boleh menyebabkan pemindahan apa-apa struktur atau kemudahan pada premis akuakultur dan untuk tapak premis akuakultur itu dipulihkan, dan apa-apa perbelanjaan yang ditanggung hendaklah ditolak daripada deposit yang telah dibayar oleh pemegang lesen.

(5) Jika perbelanjaan yang ditanggung oleh Pengarah di bawah subseksyen (4) melebihi deposit yang telah dibayar oleh pemegang lesen, apa-apa baki yang belum jelas hendaklah didapatkan balik daripada pemegang lesen sebagai hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan.

19. (1) Pengarah boleh dengan notis bertulis menghendaki mana-mana orang yang menyebabkan mana-mana premis akuakultur dibina tanpa permit atau dikendalikan tanpa lesen untuk memindahkan semua struktur dan kemudahan pada premis akuakultur dan untuk memulihkan tapak itu dalam masa tiga bulan dari tarikh notis bertulis dikeluarkan oleh Pengarah.

Premis akuakultur dibina secara tidak sah.

(2) Tiada pampasan boleh dibayar berkenaan dengan pemindahan atau pemusnahan apa-apa struktur atau kemudahan pada premis akuakultur dan apa-apa ikan yang diperolehi hendaklah dilelong dan hasilnya hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Negeri.

(3) Apa-apa perbelanjaan yang ditanggung oleh Pengarah dalam pemindahan dan pemusnahan apa-apa struktur atau kemudahan pada premis akuakultur atau dalam pemulihan tapak itu hendaklah didapatkan balik sebagai hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan.

20. Tiada lesen boleh dikeluarkan berkenaan dengan mana-mana premis akuakultur atau kemudahan akuakultur yang menyebabkan atau yang boleh menyebabkan apa-apa halangan kepada pelayaran atau apa-apa rintangan kepada aliran semulajadi air dalam perairan sungai.

Lesen tidak akan dikeluarkan di mana halangan atau rintangan boleh berlaku.

BAHAGIAN V

PENANGKAPAN IKAN SUNGAI DAN PERIKANAN

Lesen
berkenaan
dengan
kelong ikan,
peranti
mengumpul
ikan atau
peralatan
menangkap
ikan.

21. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), tiada seorangpun boleh –

- (a) memasang atau mengendalikan, atau membenarkan atau menyebabkan dipasang atau dikendali apa-apa kelong ikan atau peranti mengumpul ikan; atau
- (b) mengendalikan atau membenarkan dikendali apa-apa peralatan menangkap ikan; atau
- (c) mempunyai dalam milikannya atau di atas vesel penangkapan ikan yang dipunyai olehnya atau di bawah tanggungjawab atau kawalannya apa-apa peralatan menangkap ikan atau bahagian daripadanya,

melainkan dia dalam milikan lesen yang dikeluarkan oleh Pengarah.

(2) Peralatan menangkap ikan yang disenaraikan dalam Jadual Keenam dikecualikan daripada kehendak-kehendak lesen.

(3) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau penjara bagi tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Larangan
menggunakan
peralatan
menangkap
ikan yang
ditolak atau
ditarik, dsb.

22. (1) Tiada seorangpun boleh menangkap ikan di perairan sungai dengan menggunakan –

- (a) peralatan menangkap ikan yang ditolak atau ditarik dengan vesel penangkapan ikan bermotor; atau
- (b) apa-apa bahan beracun semulajadi; atau
- (c) apa-apa perkakas yang menggunakan arus elektrik; atau
- (d) apa-apa alat dilarang,

kecuali dalam takungan air atau kolam milik persendirian buatan manusia.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan seksyen ini adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit

atau penjara bagi tempoh tidak melebihi dua tahun atau keduanya.

23. (1) Tiada seorangpun boleh menangkap ikan di perairan sungai dengan menggunakan bahan letupan atau bebalang letupan.

Larangan menggunakan bahan letupan atau bebalang letupan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan penjara bagi tempoh tidak kurang daripada enam bulan dan tidak melebihi dua tahun.

24. (1) Tiada seorangpun boleh –

(a) menangkap ikan di perairan sungai dengan menggunakan bahan kimia beracun; atau

Larangan menggunakan bahan kimia beracun.

(b) mempunyai dalam milikannya ikan yang ditangkap dengan menggunakan bahan kimia beracun.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan penjara bagi tempoh tidak kurang daripada enam bulan dan tidak melebihi dua tahun.

25. (1) Tiada seorangpun boleh mempunyai dalam milikannya apa-apa bahan letupan, bebalang letupan, bahan kimia beracun atau alat dilarang, melainkan dibuktikan sebaliknya bahawa ia adalah untuk tujuan yang sah selain daripada untuk menangkap ikan.

Larangan dalam milikan bahan letupan, bebalang letupan, bahan kimia beracun atau alat dilarang.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau penjara bagi tempoh tidak melebihi dua tahun atau keduanya.

26. (1) Tiada seorangpun boleh menjual atau meletakkan dalam mana-mana pasaran apa-apa ikan termasuk ikan laut yang ditangkap dengan menggunakan –

(a) bahan letupan; atau

(b) bebalang letupan; atau

(c) bahan beracun semulajadi; atau

(d) bahan kimia beracun.

Larangan jualan atau peletakan dalam pasaran ikan yang ditangkap dengan menggunakan bahan letupan atau bebalang letupan atau bahan beracun semulajadi atau bahan kimia beracun.

(2) Mana-mana orang yang ditemui dalam milikan ikan yang ditangkap dengan menggunakan bahan letupan atau bebalang letupan atau bahan beracun semulajadi atau bahan kimia beracun hendaklah dianggap mempunyai pengetahuan bahawa ikan tersebut telah ditangkap dengan menggunakan bahan letupan atau bebalang letupan atau bahan beracun semulajadi atau bahan kimia beracun melainkan dibuktikan sebaliknya.

(3) Mana-mana orang yang menjual atau meletakkan dalam pasaran ikan yang ditangkap dengan menggunakan bahan letupan atau bebalang letupan atau bahan beracun semulajadi atau bahan kimia beracun hendaklah dianggap mempunyai niat tersebut melainkan dibuktikan sebaliknya.

(4) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan penjara bagi tempoh tidak kurang daripada enam bulan dan tidak melebihi dua tahun.

Permohonan lesen berkenaan dengan kelong ikan, peranti mengumpul ikan atau alat menangkap ikan tidak bergerak.

27. (1) Mana-mana orang yang berhasrat untuk membina atau memasang kelong ikan, peranti mengumpul ikan atau alat menangkap ikan tidak bergerak hendaklah memohon lesen kepada Pengarah dalam borang yang ditetapkan.

(2) Pengarah boleh menghendaki pemohon untuk memberikan apa-apa maklumat tambahan dan Pengarah boleh enggan mempertimbangkan permohonan sehingga maklumat diterima.

(3) Atas penerimaan permohonan itu, Pengarah atau pegawainya yang diberikuasa boleh membuat tinjauan lokasi yang dinyatakan dalam permohonan dan jika Pengarah berpuas hati, Pengarah boleh mengeluarkan kelulusan bertulis.

(4) Pemohon boleh meneruskan pembinaan atau pemasangan kelong ikan, peranti mengumpul ikan atau alat menangkap ikan tidak bergerak apabila menerima kelulusan bertulis tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang ditentukan dalam kelulusan.

(5) Pengarah boleh, atas pembayaran fee yang ditetapkan dan atas pembayaran apa-apa deposit yang ditetapkan, mengeluarkan lesen tertakluk kepada apa-apa syarat yang disifatkannya patut untuk dikenakan.

(6) Pengarah boleh enggan mengeluarkan lesen berkenaan dengan apa-apa kelong ikan, peranti mengumpul ikan atau alat menangkap ikan tidak bergerak yang dipasang tanpa kelulusan atau mengikut syarat-syarat yang ditentukan dalam kelulusan bertulis.

(7) Tiada lesen boleh dikeluarkan berkenaan dengan kelong ikan, peranti mengumpul ikan atau alat menangkap ikan tidak bergerak yang menyebabkan atau boleh menyebabkan halangan kepada pelayaran atau apa-apa rintangan kepada aliran semulajadi air di perairan sungai.

28. (1) Mana-mana orang yang berhasrat untuk menggunakan peralatan menangkap ikan selain daripada kelong ikan, peranti mengumpul ikan atau alat menangkap ikan tidak bergerak hendaklah memohon lesen kepada Pengarah dalam borang yang ditetapkan.

Lesen berkenaan dengan peralatan menangkap ikan selain daripada kelong ikan, peranti mengumpul ikan atau alat menangkap ikan tidak bergerak.

(2) Pengarah boleh, atas pembayaran fee yang ditetapkan dan atas pembayaran apa-apa deposit yang ditetapkan, mengeluarkan lesen tertakluk kepada apa-apa syarat yang disifatkannya patut untuk dikenakan.

29. (1) Pengarah boleh mengeluarkan notis menghendaki pemegang lesen untuk mengurangkan atau merektifikasi apa-apa kerosakan kepada alam sekitar atau apa-apa kerosakan kepada harta, atau untuk merektifikasi apa-apa kerosakan akibat daripada apa-apa pelanggaran syarat-syarat lesen.

Penggunaan deposit untuk rektifikasi dan pengurangan.

(2) Jika pemegang lesen gagal mematuhi subseksyen (1), Pengarah hendaklah mempunyai akses kepada deposit yang dirujuk dalam seksyen 28(2) untuk melaksanakan subseksyen (1).

(3) Kerajaan boleh meminta pemegang lesen untuk menambah deposit.

30. (1) Pengarah boleh, dengan notis bertulis kepada pemegang lesen, mengubah syarat-syarat lesen jika Pengarah berpuashati bahawa ia adalah perlu atau suaimanfaat untuk pengurusan perikanan yang sepatutnya.

Perubahan syarat-syarat lesen.

(2) Notis untuk hasrat perubahan tersebut hendaklah diberikan kepada pemegang lesen.

Arahan-
arahan
berkaitan
dengan
pengurusan
perikanan.

31. Pengarah boleh dari semasa ke semasa melalui pemberitahuan dalam *Warta* mengeluarkan arahan bagi pengurusan perikanan yang sepatutnya.

Tidak
memulakan
operasi
menangkap
ikan.

32. (1) Pengarah boleh membatalkan mana-mana lesen yang dikeluarkan di bawah Bahagian ini, jika selepas tiga bulan dari tarikh ia dikeluarkan operasi menangkap ikan yang berkaitan dengan lesen itu tidak dimulakan.

(2) Atas pembatalan lesen itu, pemegang lesen hendaklah dengan segera menyerahkan lesennya kepada Pengarah.

(3) Sebelum Pengarah membuat keputusan untuk membatalkan lesen itu, pemegang lesen berkenaan hendaklah diberi peluang untuk menunjukkan sebab mengapa lesennya itu tidak boleh dibatalkan.

(4) Pemegang lesen berkenaan mestilah menyerahkan surat tunjuk sebabnya kepada Pengarah dalam tempoh dua minggu dari penerimaan notis, yang jika gagal Pengarah boleh meneruskan untuk membatalkan lesen itu.

Keengganan
untuk
mengeluar-
kan atau
memper-
baharui
lesen.

33. (1) Pengarah boleh enggan mengeluarkan atau memperbaharui lesen di bawah Bahagian ini, atau boleh membatalkan, atau menggantung untuk suatu tempoh yang disifatkannya patut, mana-mana lesen yang dikeluarkan di bawah Bahagian ini jika dia berpuashati bahawa –

(a) adalah perlu untuk berbuat demikian untuk pengurusan sewajarnya mana-mana perikanan tertentu mengikut pelan perikanan, dan apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Pengarah dalam pelaksanaan pelan itu; atau

(b) terdapat pelanggaran terhadap mana-mana peruntukan Enakmen ini atau mana-mana syarat dalam lesen.

(2) Mana-mana orang yang terkilang dengan keengganan Pengarah untuk mengeluarkan, atau memperbaharui mana-mana lesen di bawah Bahagian ini, atau dengan penggantungan atau pembatalan mana-mana lesen yang dikeluarkan di bawah Bahagian ini, boleh merayu kepada Menteri dalam tempoh tiga puluh hari selepas tarikh keengganan, penggantungan atau pembatalan tersebut.

(3) Rayuan hendaklah dikemukakan kepada Pengarah yang hendaklah menyampaikan rayuan tersebut kepada Menteri. Rayuan kepada Menteri hendaklah mengandungi penghujahan alasan-alasan atau sebab-sebab ketidakpuasan, dan apa-apa dokumen yang menyokongnya.

(4) Pengarah boleh membalas penghujahan tersebut dan satu salinan dipanjangkan kepada perayu.

(5) Menteri boleh memutuskan rayuan tersebut berdasarkan penghujahan itu dan apa-apa dokumen yang menyokongnya tanpa menjalankan pendengaran lisan.

(6) Apa-apa keputusan yang dibuat oleh Menteri hendaklah mengambilkira skim had keupayaan menangkap ikan yang baginya peruntukan tersebut dibuat dalam mana-mana pelan perikanan yang dirujuk dalam Bahagian III.

34. Mana-mana lesen yang dikeluarkan di bawah Bahagian ini berkenaan dengan kelong ikan, peranti mengumpul ikan atau peralatan menangkap ikan adalah sah hanya bagi kelong ikan, peranti mengumpul ikan atau peralatan menangkap ikan yang tertentu itu dan tidaklah boleh digunakan untuk mana-mana kelong ikan, peranti mengumpul ikan atau peralatan menangkap ikan lain.

Spesifisiti lesen.

35. (1) Jika Pengarah memikirkan bahawa adalah suaimanfaat atau perlu untuk melibatkan orang-orang kampung atau komuniti tempatan dalam pengurusan dan pemuliharaan sumber-sumber perikanan atau perikanan di satu kawasan atau bahagian satu kawasan di perairan sungai, dia boleh memberi cadangan kepada Menteri mengesyorkan satu kawasan itu diisytiharkan suatu Zon Pengurusan Perikanan Komuniti.

Perisytiharan Zon Pengurusan Perikanan Komuniti.

(2) Pengisytiharan Zon Pengurusan Perikanan Komuniti hendaklah dibuat oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, yang hendaklah menyatakan tarikh perisytiharan itu mula berkuatkuasa.

36. Pengarah boleh melantik pegawai yang diberikuasa atau orang-orang kampung atau komuniti tempatan dalam Zon Pengurusan Perikanan Komuniti untuk membentuk Jawatankuasa Zon Pengurusan Perikanan Komuniti untuk mentadbir dan menjalankan pengurusan dan pemuliharaan sumber-sumber

Jawatankuasa untuk mentadbir Zon Pengurusan Perikanan Komuniti.

perikanan atau perikanan Zon Pengurusan Perikanan Komuniti tersebut.

Kesalahan-kesalahan dalam Zon Pengurusan Perikanan Komuniti. **37.** Mana-mana orang yang melanggar peraturan-peraturan yang diperuntukkan di bawah Zon Pengurusan Perikanan Komuniti adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

BAHAGIAN VI KAWALAN IKAN

Ikan di-isyiharkan sebagai ikan air tawar. **38.** Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mengisytiharkan apa-apa ikan atau spesies ikan sebagai ikan air tawar.

Import dan eksport ikan air tawar hidup. **39.** (1) Tiada seorangpun boleh –
 (a) mengimport ke dalam Negeri Sabah dari negara asing;
 (b) mengeksport ke luar dari Negeri Sabah ke negara asing;
 (c) mengangkut dari Malaysia Barat, Negeri Sarawak atau Wilayah Persekutuan Labuan ke dalam Negeri Sabah;
 (d) mengangkut dari Negeri Sabah ke dalam Malaysia Barat, Wilayah Persekutuan Labuan atau Negeri Sarawak,

ikan air tawar hidup kecuali dengan permit yang dikeluarkan oleh Pengarah.

(2) Mana-mana orang yang berhasrat untuk mengimport atau mengeksport ikan air tawar hidup hendaklah mengemukakan permohonannya bersama dengan fee yang ditetapkan kepada Pengarah dalam borang yang ditetapkan.

(3) Pengarah boleh mengeluarkan permit dengan apa-apa syarat yang disifatkannya patut.

(4) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau penjara bagi tempoh tidak melebihi dua tahun atau keduanya.

- 40.** (1) Tiada seorangpun boleh –
- (a) melibatkan diri dalam pengkulturan; atau
 - (b) melibatkan diri dalam pembiakan, penyimpanan atau pemeliharaan dalam akuarium atau tangki ikan; atau
 - (c) melepaskan ke dalam perairan sungai; atau
 - (d) menjual atau meletakkan dalam pasaran,

Spesis
dilarang
tidak boleh
dikultur,
dsb.

apa-apa ikan yang ditentukan sebagai spesis dilarang.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau penjara bagi tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

- 41.** (1) Tiada seorangpun boleh –
- (a) menangkap ikan; atau
 - (b) menyimpan dalam milikannya; atau
 - (c) menjual atau meletakkan dalam pasaran,

Spesis di-
lindungi
tidak boleh
ditangkap,
dsb.

apa-apa ikan yang ditentukan sebagai spesis dilindungi.

(2) Mana-mana orang yang berhasrat untuk membiak spesis dilindungi hendaklah terlebih dahulu memperolehi permit yang dikeluarkan oleh Pengarah.

(3) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau penjara bagi tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

- 42.** (1) Tiada seorangpun boleh melibatkan diri dalam pengkulturan mana-mana ikan yang ditentukan sebagai spesis dikawal tanpa permit yang dikeluarkan oleh Pengarah.

Spesis
dikawal tidak
boleh
dikultur
tanpa
permit.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau penjara bagi tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Permohonan
permit untuk
mengkultur
spesis
dilindungi
atau dikawal.

43. (1) Mana-mana orang yang berhasrat untuk melibatkan diri dalam pengkulturan mana-mana ikan yang ditentukan sebagai spesis dilindungi atau dikawal hendaklah memohon permit kepada Pengarah.

(2) Atas penerimaan permohonan itu, Pengarah atau pegawainya yang diberikuasa hendaklah meninjau premis sebagaimana yang dinyatakan dalam permohonan di mana aktiviti akuakultur itu terletak dan jika Pengarah berpuas hati, dia boleh mengeluarkan permit.

Milikan
spesis
dilarang,
dilindungi
atau
dikawal.

44. (1) Seseorang yang mendapati bahawa dia dalam milikan mana-mana ikan yang ditentukan sebagai spesis dilarang atau spesis dilindungi atau spesis dikawal hendaklah memberitahu Pengarah dengan seberapa segera selepas dia mengetahui tentang kenyataan itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau penjara bagi tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Rampasan
ikan yang
ditentukan
sebagai
spesis
dilarang,
dilindungi
atau
dikawal.

45. (1) Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberikuasa boleh merampas dan memindahkan dari mana-mana tempat mana-mana ikan yang ditentukan sebagai spesis dilarang atau spesis dilindungi atau spesis dikawal.

(2) Pengarah boleh –

(a) memusnahkan mana-mana ikan yang ditentukan sebagai spesis dilarang atau spesis dikawal jika tidak praktikal untuk merampas atau memindahkan ikan itu; dan

(b) mengambil apa-apa tindakan yang perlu untuk mencegah pelepasan meluas ikan tersebut ke mana-mana perairan darat.

(3) Suatu perintah untuk memusnah mana-mana ikan yang ditentukan sebagai spesis dilarang atau spesis dikawal boleh dijalankan walaupun boleh memusnahkan ikan lain.

(4) Pengarah boleh mengeluarkan apa-apa arahan kepada mana-mana orang bagi maksud subseksyen (2)(b).

46. (1) Tiada seorangpun boleh melepaskan apa-apa ikan bukan baka tempatan ke dalam mana-mana perairan darat tanpa memperoleh kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pengarah.

Pelepasan tidak sah spesies bukan baka tempatan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau penjara bagi tempoh tidak melebihi dua tahun atau keduanya.

BAHAGIAN VII

KAWALAN PENYAKIT-PENYAKIT IKAN

47. (1) Pengarah boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mengisytiharkan satu kawasan di mana ada wabak penyakit ikan sebagai kawasan kawalan yang ditetapkan dan boleh menentukan sempadan geografinya.

Kawasan kawalan yang ditetapkan dan larangan pergerakan.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (3), di mana Pengarah telah mengisytiharkan satu kawasan sebagai kawasan kawalan yang ditetapkan, Pengarah boleh menetapkan ikan atau hidupan akuatik atau benda yang boleh dijangkiti atau dikontaminasi oleh penyakit ikan dan, dari masa Pengarah membuat ketetapan tersebut, tiada seorangpun boleh mengalih, memindah atau mengangkut –

- (a) apa-apa ikan atau hidupan akuatik atau benda yang ditetapkan –
 - (i) ke dalam kawasan kawalan yang ditetapkan;
 - (ii) ke luar dari kawasan kawalan yang ditetapkan; atau
 - (iii) dari tempat dalam kawasan kawalan yang ditetapkan melainkan ke tempat yang berdampingan dalam kawasan kawalan yang ditetapkan itu yang diduduki oleh orang yang sama; atau
- (b) apa-apa daging atau bahagian lain ikan yang ditetapkan –

- (i) ke luar dari kawasan kawalan yang ditetapkan; atau
- (ii) dari tempat dalam kawasan kawalan yang ditetapkan melainkan ke tempat yang berdampingan dalam kawasan kawalan yang ditetapkan itu yang diduduki oleh orang yang sama.

(3) Mana-mana orang yang berhasrat untuk mengangkut apa-apa ikan ke dalam atau ke luar dari kawasan kawalan yang ditetapkan hendaklah memohon kepada Pengarah dan jika Pengarah berpuashati bahawa ikan tersebut adalah bebas daripada penyakit atau telah divaksin dengan sepatutnya terhadap penyakit itu, boleh mengeluarkan permit pengangkutan.

Premis akuakultur disyaki dijangkiti penyakit ikan.

48. (1) Di mana suatu premis akuakultur mengandungi ikan yang disyaki dijangkiti penyakit ikan, Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberikuasa boleh mengambil tindakan yang sesuai untuk mengawal penyakit ikan.

(2) Tindakan-tindakan kawalan yang dirujuk dalam subseksyen (1) hendaklah terus berkuatkuasa sehingga ditarik balik melalui notis yang disampaikan oleh Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberikuasa kepada pemilik atau penduduk premis akuakultur yang berkaitan.

(3) Hendaklah menjadi tanggungjawab pemilik atau penduduk mana-mana premis akuakultur yang mana tertakluk kepada tindakan kawalan yang dirujuk dalam subseksyen (1) untuk mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan tindakan-tindakan tersebut dipatuhi.

(4) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subseksyen (3) adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau penjara bagi tempoh tidak melebihi dua tahun atau keduanya.

Premis akuakultur dijangkiti penyakit ikan.

49. (1) Jika ikan dalam suatu premis akuakultur dijangkiti penyakit ikan, Pengarah boleh dengan notis bertulis yang disampaikan kepada pemilik atau penduduk premis akuakultur mengambil tindakan yang sesuai untuk mengawal penyakit ikan.

(2) Tindakan-tindakan kawalan yang dirujuk dalam subseksyen (1) hendaklah terus berkuatkuasa sehingga ditarik balik

melalui notis yang disampaikan oleh Pengarah atau mana-mana Pegawai yang diberikuasa kepada pemilik atau penduduk premis akuakultur yang berkaitan.

(3) Hendaklah menjadi tanggungjawab pemilik atau penduduk mana-mana premis akuakultur yang mana tertakluk kepada tindakan yang dirujuk dalam subseksyen (1) untuk mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan tindakan-tindakan tersebut dipatuhi.

(4) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subseksyen (3) adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau penjara bagi tempoh tidak melebihi dua tahun atau keduanya.

50. (1) Jika mana-mana orang gagal mematuhi kehendak-kehendak mana-mana tindakan kawalan yang dikenakan oleh Pengarah, tanpa menjejaskan apa-apa prosiding akibat kegagalan itu, Pengarah atau pegawainya yang diberikuasa boleh memasuki mana-mana premis akuakultur di mana tindakan kawalan itu berkaitan dan mengambil atau menyebabkan diambil apa-apa langkah yang didapati oleh Pengarah atau pegawainya yang diberikuasa adalah perlu sama ada untuk memastikan pematuhan dengan tindakan kawalan itu atau untuk meremеди akibat-akibat kegagalan untuk menjalankannya.

Kegagalan mematuhi kehendak-kehendak.

(2) Semua kos yang munasabah dalam mengambil apa-apa langkah tersebut hendaklah didapatkan balik oleh Pengarah daripada orang yang bertanggungjawab untuk mematuhi, atau untuk memastikan pematuhan tindakan kawalan yang dikenakan itu dan hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan.

51. (1) Mana-mana orang yang –

- (a) mengetahui apa-apa kematian luar biasa atau simptom lain di kalangan ikan yang boleh menjadi sebab untuk mengesyaki kewujudan penyakit ikan; atau
- (b) mempunyai apa-apa alasan untuk mengesyaki kewujudan penyakit ikan di kalangan ikan,

Tanggungjawab untuk memaklumkan apa-apa kematian luar biasa atau simptom di kalangan ikan.

hendaklah segera memberitahu Pengarah.

(2) Di mana Pengarah atau pegawainya yang diberikuasa menerima pemberitahuan menurut subseksyen (1), dia boleh –

- (a) membuat pemeriksaan; dan
- (b) mengambil semua langkah yang dia sifatkan perlu untuk penghapusan dan kawalan wabak penyakit ikan.

(3) Mana-mana orang yang mempunyai dalam milikannya atau di bawah tanggungjawabnya ikan atau hidupan akuatik atau benda yang dijangkiti yang dia mengesyaki adalah ikan atau hidupan akuatik atau benda yang dijangkiti, hendaklah menahannya sehingga –

- (a) ia telah diperiksa; atau
- (b) pegawai yang diberikuasa mengarahkannya untuk melupuskannya.

(4) Pegawai yang diberikuasa hendaklah mempunyai kuasa-kuasa untuk mengambil apa-apa sampel ikan atau sampel daripada ikan sebagaimana yang perlu untuk membuktikan sama ada penyakit ikan wujud di kalangan ikan.

(5) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subseksyen (1) dan (3) adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau penjara bagi tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Pengarah memberi notis untuk menghapuskan, memusnahkan dan menyahjangkit.

52. Jika ujian membuktikan kewujudan penyakit ikan, Pengarah boleh dengan notis bertulis menghendaki orang yang dipertanggungjawabkan bagi apa-apa ikan, kemudahan atau peralatan untuk –

- (a) menghapuskan semua ikan dalam premis-premis akuakultur yang dijangkiti;
- (b) memusnahkan semua ikan yang dijangkiti atau dikontaminasi; dan
- (c) menyahjangkit semua kemudahan dan peralatan.

Perisytiharan satu kawasan di mana pengambilan ikan dan hidupan akuatik dilarang.

53. (1) Pengarah boleh mengisytiharkan, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, satu kawasan di mana pengambilan ikan dan hidupan akuatik adalah dilarang atas sebab bahawa –

(a) ia akan menjadi risiko kepada kesihatan manusia jika ikan dan hidupan akuatik itu dimakan; atau

(b) ada kemungkinan risiko perosak akuatik merebak ke kawasan lain.

(2) Larangan yang dirujuk dalam subseksyen (1) hendaklah terus berkuatkuasa sehingga ditarik balik melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(3) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

54. (1) Tiada seorangpun boleh menjual atau meletakkan dalam pasaran apa-apa ikan yang dijangkiti penyakit ikan. Larangan menjual ikan yang berpenyakit.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau penjara bagi tempoh tidak melebihi dua tahun atau keduanya.

BAHAGIAN VIII

PERLINDUNGAN HABITAT IKAN

55. (1) Tiada seorangpun boleh menjalankan apa-apa aktiviti di darat atau berhampiran perairan darat yang boleh mengakibatkan perubahan, gangguan atau kemusnahan yang memudaratkan habitat ikan. Aktiviti yang mengakibatkan perubahan yang memudaratkan, mengganggu atau memusnahkan habitat ikan.

(2) Bagi maksud seksyen ini aktiviti itu adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada –

(a) apa-apa perubahan, pendirian, tambahan, peletakan, pemindahan, penggunaan atau perobohan apa-apa struktur atau bahagian apa-apa struktur dalam, pada, bawah atau atas tanah; atau

(b) apa-apa penggalian, pengorekan, penerowongan atau gangguan tanah; atau

(c) menebus guna atau menyalirkan mana-mana pesisir pantai, dasar tasik atau dasar sungai; atau

(d) mengubah, mendirikan, meroboh, meletakkan, membina semula atau memindah apa-apa struktur atau apa-apa bahagian struktur yang terpasang dalam, pada, bawah atau atas pesisir pantai, dasar tasik atau dasar sungai; atau

(e) merosakkan, memusnahkan atau mengganggu apa-apa pesisir pantai, dasar tasik atau dasar sungai dengan menggali, mengorek atau penerowongan selain daripada untuk tujuan yang sah di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

(3) Pengarah boleh membenarkan apa-apa aktiviti yang disebut dalam subseksyen (2) tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang dia sifatkan patut.

(4) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau penjara bagi tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Larangan untuk membuang ke dalam laut balast, sampah sarap, lumpur, dsb.

56. (1) Tiada seorangpun boleh –

(a) membuang ke dalam laut balast, sampah sarap, lumpur, buangan kuari atau bahan-bahan lain yang memudaratkan di mana-mana sungai atau tasik, atau di mana-mana air di mana penangkapan ikan atau pengkulturan dijalankan;

(b) meninggalkan atau meletakkan atau menyebabkan dibuang, ditinggalkan atau diletakkan, pada pantai, pesisir atau tebing mana-mana sungai atau tasik, bangkai atau ofal ikan atau haiwan; atau

(c) meninggalkan ikan yang sedang reput atau sudah reput dalam mana-mana jaring, kandang atau peralatan menangkap ikan atau kemudahan akuakultur atau kemudahan penyimpanan yang dipasang dalam mana-mana sungai atau tasik.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan seksyen ini adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan,

(a) jika suatu pertubuhan perbadanan denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit; dan

(b) jika bukan pertubuhan perbadanan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit,

atau penjara bagi tempoh tidak melebihi lima tahun atau keduanya.

57. (1) Tiada seorangpun boleh melepaskan atau meletakkan atau membenarkan pelepasan atau peletakan apa-apa jenis bahan memudaratkan di perairan sungai atau di mana-mana tempat di bawah apa-apa keadaan yang boleh menyebabkan bahan memudaratkan tersebut memasuki mana-mana air itu.

Melepaskan atau meletakkan bahan memudaratkan di perairan sungai.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan seksyen ini adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan,

- (a) jika suatu pertubuhan perbadanan denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit; dan
- (b) jika bukan pertubuhan perbadanan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit,

atau penjara bagi tempoh tidak melebihi lima tahun atau keduanya.

58. (1) Di mana seseorang itu –

- (a) menjalankan atau bercadang untuk menjalankan aktiviti di darat atau berhampiran perairan darat yang mengakibatkan atau boleh mengakibatkan perubahan, gangguan atau kemusnahan habitat ikan; atau
- (b) melepaskan atau meletakkan bahan memudaratkan di perairan sungai atau di mana-mana tempat yang mengakibatkan atau boleh mengakibatkan bahan memudaratkan itu memasuki perairan sungai,

Pengarah menghendaki rancangan-rancangan.

dia hendaklah atas kehendak Pengarah, menyediakan kepada Pengarah apa-apa rancangan, spesifikasi, kajian, prosedur, jadual, analisis, sampel atau maklumat lain yang berkaitan dengan aktiviti atau pelepasan atau peletakan bahan memudaratkan tersebut.

(2) Apabila menerima rancangan-rancangan, spesifikasi-spesifikasi, kajian-kajian, prosedur-prosedur, jadual-jadual, analisis-analisis, sampel-sampel atau maklumat lain yang berkaitan dengan aktiviti atau pelepasan atau peletakan bahan memudaratkan tersebut, Pengarah boleh mengarahkan orang itu –

- (a) untuk mengambil tindakan pencegahan; atau
- (b) untuk mengurangkan kesan-kesan; atau
- (c) untuk berhenti daripada menjalankan aktiviti.

(3) Mana-mana orang yang gagal untuk mematuhi kehendak subseksyen (1) adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan,

(a) jika suatu pertubuhan perbadanan denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit; dan

(b) jika bukan pertubuhan perbadanan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit,

atau penjara bagi tempoh tidak melebihi lima tahun atau keduanya.

Tanggung-jawab untuk melaporkan pelepasan bahan memudaratkan dengan tidak sengaja atau lalai.

59. (1) Mana-mana orang yang dengan tidak sengaja atau lalai melepaskan atau meletakkan, atau menyebabkan atau menyumbang kepada pelepasan, bahan memudaratkan di perairan sungai yang boleh membahayakan ikan atau habitat ikan, hendaklah dengan segera membuat laporan kepada Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberikuasa tentang kejadian tersebut.

(2) Atas penerimaan laporan itu, Pengarah atau pegawai yang diberikuasa, boleh memberi arahan yang perlu untuk meredakan, mengurangkan atau meremеди apa-apa kesan sampingan daripada pelepasan, peletakan bahan memudaratkan tersebut.

(3) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan,

(a) jika suatu pertubuhan perbadanan denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit; dan

(b) jika bukan pertubuhan perbadanan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit,

atau penjara bagi tempoh tidak melebihi lima tahun atau keduanya.

Tanggung-jawab untuk mengambil tindakan yang sesuai untuk melindungi dan memulihara ikan.

60. (1) Hendaklah menjadi tanggungjawab pemilik, atau orang yang dipertanggungjawabkan atau mengurus atau mengawal bahan memudaratkan yang dengan tidak sengaja atau lalai dilepaskan atau diletakkan di perairan sungai, untuk mengambil dengan segera semua tindakan yang sesuai untuk melindungi dan memulihara ikan dan habitat ikan dan untuk mencegah kejadian selanjutnya atau untuk meredakan, mengurangkan atau meremеди apa-apa kesan sampingan yang akan diakibatkan atau boleh semunasabahnya dijangkakan untuk diakibatkan daripadanya.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan,

- (a) jika suatu pertubuhan perbadanan denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit; dan
- (b) jika bukan pertubuhan perbadanan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit,

atau penjara bagi tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

61. Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberikuasa boleh

Kuasa Pengarah untuk mengambil atau mengarahkan tindakan peremedian.

- (a) mengambil apa-apa tindakan untuk meredakan, mengurangkan atau meremеди apa-apa kesan sampingan pada ikan atau habitat ikan daripada pelepasan atau peletakan bahan memudaratkan dalam perairan sungai; atau
- (b) mengarahkan pemilik, atau orang yang dipertanggungjawabkan atau mengurus atau mengawal, bahan memudaratkan untuk mengambil apa-apa tindakan untuk meredakan, mengurangkan atau meremеди apa-apa kesan sampingan pada ikan atau habitat ikan daripada pelepasan atau peletakan bahan memudaratkan dalam perairan sungai.

62. Apa-apa kos yang ditanggung oleh Kerajaan untuk mengurangkan atau meremеди perairan sungai akibat daripada pelepasan atau peletakan bahan memudaratkan di perairan sungai hendaklah didapatkan balik daripada pemilik, atau orang yang dipertanggungjawabkan atau yang mengurus atau mengawal bahan memudaratkan itu dan hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan.

Kos yang ditanggung oleh Kerajaan.

63. (1) Tiada seorangpun boleh menebang apa-apa tumbuhan dilindungi di mana-mana rizab sungai.

Perlindungan tumbuh-tumbuhan berbuah.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau penjara bagi tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

64. (1) Tiada seorangpun boleh mengambil apa-apa batu dari mana-mana sungai.

Perlindungan habitat-habitat ikan – batu-batu sungai.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau penjara bagi tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

BAHAGIAN 1X
SANKTUARI IKAN

Sanktuari
Ikan.

65. (1) Jika Menteri, selepas berunding dengan Pengarah, memikirkan bahawa adalah perlu untuk –

- (a) menyediakan perlindungan khas kepada hidupan akuatik di mana-mana kawasan atau sebahagian daripada kawasan itu dan untuk melindungi, memelihara dan mengurus tapak pembiakan semulajadi dan habitat populasi ikan dan hidupan akuatik, khususnya bagi spesis luar biasa atau hidupan akuatik terancam;
- (b) memelihara dan meningkatkan keadaan asli dan produktiviti satu kawasan atau sebahagian daripada kawasan itu;
- (c) memastikan penyelenggaraan nilai-nilai biodiversiti;
- (d) memastikan syarat-syarat yang perlu untuk melindungi spesis-spesis penting bagi hidupan akuatik atau tumbuhan, komuniti biotik atau sumber-sumber genetik;
- (e) membenarkan pertumbuhan semula semulajadi hidupan akuatik dalam satu kawasan atau sebahagian daripada kawasan itu di mana hidupan akuatik tersebut telah pupus;
- (f) menggalakkan kajian dan penyelidikan saintifik berkenaan dengan satu kawasan atau sebahagian daripada kawasan itu; dan
- (g) mengawalselia aktiviti-aktiviti rekreasi dan aktiviti-aktiviti lain dalam mana-mana kawasan atau sebahagian daripada kawasan itu untuk mengelakkan kerosakan yang tidak boleh dipulihkan kepada persekitarannya,

Menteri boleh mengemukakan cadangan kepada Kabinet mengesyorkan agar satu kawasan atau bahagian satu kawasan di perairan sungai diisytiharkan sebagai sanktuari ikan.

(2) Cadangan yang diperuntukkan di bawah subseksyen (1) hendaklah termasuk –

- (a) deskripsi selengkap yang mungkin kawasan itu dan sempadan sanktuari ikan yang dicadangkan;

- (b) suatu penilaian fauna dan flora dan nilai-nilai biodiversiti yang lain bagi sanctuaries ikan yang dicadangkan;
- (c) butir-butir hak adat yang akan terus dijalankan selepas mula berkuatkuasa perisytiharan sanctuaries ikan yang dicadangkan; dan
- (d) ringkasan perundingan yang telah diadakan dengan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan dan satu ringkasan representasi yang dibuat oleh orang-orang dan komuniti yang mungkin terjejas oleh perisytiharan sanctuaries ikan yang dicadangkan;

(3) Bagi maksud subseksyen (1), Pengarah hendaklah, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, menyiarkan notis-notis untuk mengisytiharkan satu kawasan atau bahagian satu kawasan sebagai sanctuaries ikan.

(4) Atas kelulusan dan rekomendasi Kabinet, Yang di-Pertua Negeri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, mengisytiharkan satu kawasan atau bahagian satu kawasan dalam perairan sungai sebagai sanctuaries ikan.

(5) Mana-mana orang yang terjejas dengan pengisytiharan tersebut boleh membuat tuntutan dalam tempoh sembilan puluh hari dari tarikh penyiaran pemberitahuan itu dalam *Warta*.

(6) Apa-apa tuntutan tersebut dan jumlah pampasan yang kena dibayar hendaklah ditentukan mengikut prosedur yang dinyatakan dalam Ordinan Pengambilan Tanah.

Bab 69.

(7) Tiada sanctuaries ikan boleh dibatalkan, dikurangkan saiz atau diubah sempadannya kecuali melalui resolusi Dewan Undangan.

66. (1) Bermula dari tarikh penyiaran dalam *Warta* bagi notis niat yang dirujuk dalam seksyen 65(3) –

- (a) tiada tanah boleh diberimilik di bawah Ordinan Tanah;
- (b) tiada pembinaan apa-apa bangunan boleh dimulakan;
- (c) tiada persediaan bagi penanaman atau pengkulturan boleh dimulakan;
- (d) tiada pokok boleh ditebang; dan
- (e) tiada penangkapan ikan boleh dijalankan,

dalam kawasan sanctuaries ikan yang dicadangkan.

Tiada pemberimilikan tanah, penanaman atau pembinaan bagi sanctuaries ikan atas penyiarannya dalam *Warta*.

(2) Mana-mana hakmilik tanah, hak atau konsesi yang diberikan bertentangan dengan subseksyen (1) adalah terbatal.

Pengambilan tanah secara wajib.

Bab 68.

67. Suatu penubuhan atau tambahan sanktuari ikan hendaklah disifatkan sebagai suatu maksud awam dalam pengertian Ordinan Pengambilan Tanah dan prosedur yang dinyatakan dalam Ordinan tersebut hendaklah diikuti bagi pengambilan tanah berhubung dengan penubuhan atau tambahan tersebut.

Pelan pengurusan.

68. (1) Pengarah hendaklah dalam masa tiga tahun selepas perisytiharan sanktuari ikan menyediakan dan mengemukakan kepada Menteri pelan pengurusan yang hendaklah termasuk-

- (a) satu peta yang dengan jelas menerangkan sempadan sanktuari ikan dan satu deskripsi bertulis tentang sempadan tersebut;
- (b) satu analisis tentang sumber-sumber utama sanktuari ikan;
- (c) butir-butir tentang objektif pengurusan;
- (d) butir-butir lengkap zon di mana sanktuari ikan dibahagikan untuk pemuliharaan ikan dan tujuan-tujuan pengurusan yang mana melibatkan zon atau bahagian-bahagian zon yang orang awam boleh masuk;
- (e) program terperinci tentang tindakan pengurusan bagi pemuliharaan dan perlindungan sumber-sumber ikan dan habitatnya termasuk butir-butir keperluan kakitangan, kemudahan bagi kakitangan dan peralatan dan anggaran perbelanjaan;
- (f) butir-butir cadangan penyelidikan; dan
- (g) apa-apa hal lain sebagaimana yang disifatkan perlu.

(2) Pelan pengurusan yang dirujuk dalam subseksyen (1) hendaklah meliputi tempoh lima tahun.

(3) Pelan pengurusan selanjutnya atau semakan bahagian-bahagian daripadanya hendaklah dikemukakan kepada Menteri pada apa-apa waktu dan dalam apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

(4) Menteri hendaklah menyebabkan pelan pengurusan dan apa-apa semakan padanya tersedia untuk pemeriksaan di Pejabat Perikanan Negeri oleh orang awam.

(5) Satu salinan pelan pengurusan atau apa-apa semakan padanya boleh tersedia atas pembayaran fee.

69. (1) Pengarah hendaklah dalam masa lima tahun dari pengisytiharan sanktuari ikan menandakan sempadan sanktuari ikan tersebut.

Penandaan sempadan sanktuari ikan.

(2) Jika terdapat apa-apa konflik di antara penandaan yang dibuat di bawah subseksyen (1) dan peta atau deskripsi yang disediakan menurut seksyen 68(1)(a) penandaan di bawah subseksyen (1) hendaklah mengatasi bagi maksud Enakmen ini.

(3) Mana-mana orang yang mengalih, memusnah atau mengganggu mana-mana notis, pagar, get, penanda sempadan, yang didirikan atau diletak di tempat mengikut subseksyen (1) adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

70. (1) Tiada seorangpun, kecuali pegawai diberikuasa yang menjalankan tugasnya atau seseorang yang bekerja dalam sanktuari ikan, boleh tinggal di dalam atau memasuki sanktuari ikan, kecuali yang diperuntukkan dalam subseksyen (2) dan (3).

Sekatan kediaman dan kemasukan ke dalam sanktuari ikan.

(2) Mana-mana orang boleh, di bawah kuasa permit yang sah, memasuki mana-mana bahagian sanktuari ikan sebagaimana yang ditetapkan sebagai terbuka untuk orang awam.

(3) Pengarah boleh membenarkan mana-mana orang untuk memasuki mana-mana bahagian sanktuari ikan yang tidak terbuka kepada orang awam bagi tujuan penyelidikan saintifik untuk suatu tempoh dan mengikut syarat-syarat yang terkandung dalam permit.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

71. Mana-mana orang yang bukan pegawai yang diberikuasa, yang menangkap ikan atau menuai apa-apa tumbuhan dalam sanktuari ikan adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

Penangkapan ikan atau penuaian tumbuhan secara tidak sah dalam sanktuari ikan.

72. (1) Tiada seorangpun boleh dalam mana-mana sanktuari ikan –

Tindakan-tindakan lain yang dilarang dalam sanktuari ikan.

(a) menangkap ikan atau cuba untuk menangkap ikan;

- (b) mengambil, memindah atau dalam milikan apa-apa hidupan akuatik atau tumbuhan akuatik atau bahagian daripadanya, sama ada mati atau hidup;
- (c) membina atau mendirikan apa-apa bangunan atau struktur lain pada atau atas mana-mana tanah atau perairan sungai;
- (d) mengendalikan apa-apa vesel sebagai pengangkutan komersil;
- (e) memusnahkan, merosakkan atau memindahkan apa-apa benda, sama ada bernyawa atau tidak bernyawa;
- (f) mengganggu mana-mana haiwan, ikan, tumbuhan atau organisma hidup lain atau melakukan apa-apa tindakan yang pada pendapat Pengarah, boleh mengganggu, mengubah ciri-ciri atau mempunyai kesan memudaratkan kepada, atau mengubah sifat apa-apa haiwan, ikan, tumbuhan atau organisma hidup lain;
- (g) menebang atau memotong mana-mana pokok atau memotong, mencedera atau membakar atau membenarkan api dinyalakan olehnya sendiri atau pekerjanya di luar santuari ikan untuk merebak ke mana-mana tumbuhan;
- (h) dengan sengaja merosak apa-apa benda geologi, prasejarah atau kepentingan saintifik yang lain atau memindah apa-apa benda tersebut atau bahagian daripadanya;
- (i) menduduki, membersihkan, menanam atau memecah bagi penanaman mana-mana tanah;
- (j) menjalankan apa-apa aktiviti kuari atau pengorekan;
- (k) meletak pada atau dalam, atau memasukkan dalam santuari ikan atau dalam 100 meter dari pinggir santuari ikan apa-apa haiwan, ikan, tumbuhan atau organisma hidup lain yang, pada pendapat Pengarah, boleh mengganggu, mengubah ciri-ciri atau mempunyai kesan memudaratkan kepada, atau mengubah sifat apa-apa haiwan, ikan, tumbuhan atau organisma hidup lain; atau
- (l) melakukan apa-apa perkara lain yang dilarang oleh peraturan-peraturan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau penjara bagi tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

(3) Tiada seorangpun boleh membawa ke dalam sanktuari ikan, atau menggunakan, mempunyai atau dalam milikan dalam sanktuari ikan apa-apa peralatan yang boleh digunakan untuk menjalankan apa-apa aktiviti yang dirujuk dalam subseksyen (1) termasuk tetapi tidak terhad kepada mana-mana penyendal, penyodok atau traktor.

(4) Apa-apa peralatan yang dirujuk dalam subseksyen (3), hendaklah disita.

(5) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (3) adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau penjara bagi tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

73. (1) Tiada seorangpun boleh membawa, menggunakan atau dalam milikan dalam sanktuari ikan -

- (a) apa-apa spring gun, spear gun, spear fishing equipment, harpoon atau suction gun; atau
- (b) apa-apa jenis senjata lain yang mempunyai potensi untuk memudaratkan apa-apa hidupan tumbuhan atau haiwan.

Penggunaan secara tidak sah apa-apa spring gun, spear gun dalam sanktuari ikan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

74. (1) Tiada seorangpun boleh –

- (a) menyebarkan bahan-bahan kimia atau benda-benda toksik lain sama ada dari dalam atau luar sanktuari ikan yang menyebabkan kemudaratan kepada fauna atau flora dalam sanktuari ikan itu;
- (b) melepaskan atau membenarkan pelepasan minyak, bahan-bahan kimia atau toksik lain atau bahan buangan yang boleh memudaratkan fauna dan flora dalam atau bersampingan dengan mana-mana sungai, tasik atau perairan dalam atau mengalir ke dalam sanktuari ikan; atau
- (c) menghalang atau menyimpang mana-mana sungai, kolam, tasik atau badan air lain dalam atau mengalir ke dalam sanktuari ikan.

Kesalahan-kesalahan alam sekitar dalam sanktuari ikan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan,

- (a) jika suatu pertubuhan perbadanan denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit; dan
- (b) jika bukan pertubuhan perbadanan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit,

atau penjara bagi tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(3) Mana-mana orang yang disabitkan dengan satu kesalahan di bawah subseksyen (1) boleh diperintahkan membayar kepada Kerajaan apa-apa sumbangan terhadap kos yang akan dianggarkan oleh Kerajaan untuk meremеди kerosakan yang disebabkan oleh penyebaran, pelepasan, halangan atau penyimpangan sebagaimana yang Mahkamah memikirkan wajar.

Pengecualian
sekatan-
sekatan dan
larangan-
larangan
berkaitan
dengan
sanktuari ikan.

75. (1) Hak-hak adat yang dinyatakan dalam cadangan yang dirujuk dalam seksyen 65 boleh terus dilaksanakan dalam sanktuari ikan, kecuali di bawah suatu perjanjian di antara Pengarah dan orang-orang yang layak untuk melaksanakan hak-hak itu, terhenti daripada dilaksanakan sebagai ganti bagi pampasan.

(2) Tiada seorangpun boleh, kecuali dengan kelulusan bertulis Pengarah atau pegawai yang dipertanggungjawabkan bagi sanktuari ikan –

- (a) membuat dalam sanktuari ikan apa-apa rakaman filem komersil atau video atau mengambil gambar-gambar pegun untuk tujuan komersil; atau
- (b) memasuki mana-mana kawasan sanktuari ikan yang telah diisytiharkan oleh Pengarah atau pegawai yang dipertanggungjawabkan bagi sanktuari ikan untuk ditutup kepada orang awam.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (2) adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

(4) Pengarah boleh membenarkan pembinaan apa-apa bangunan bagi pengurusan dan pembangunan yang sepatutnya sanktuari ikan dan penyediaan kemudahan awam.

(5) Bagi maksud seksyen ini, Pengarah boleh membenarkan mana-mana orang untuk melalui atau memasuki sanktuari ikan melalui jalan yang telah ditetapkan.

76. Menteri boleh, selepas berunding dengan Pengarah, menyiarkan dalam *Warta*, membenarkan tempoh tangguhan tidak melebihi dua belas bulan dari tarikh perisytiharan suatu sanktuari ikan, mana-mana orang yang tinggal secara sah dalam kawasan itu untuk dikecualikan daripada –

- (a) sekatan tinggal di dalamnya; atau
- (b) sekatan daripada memasuki untuk tujuan penjagaan dan penuaian hasil akuakultur yang disimpan sebelum mula berkuatkuasa perisytiharan yang berkenaan.

BAHAGIAN X PENGUATKUASAAN

77. Jika Pengarah atau mana-mana pegawai diberikuasa mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa seseorang telah melakukan satu kesalahan di bawah Enakmen ini, Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberikuasa boleh tanpa waran –

- (a) memberhentikan, menaiki dan menggeledah mana-mana vesel dalam perairan sungai dan membuat apa-apa siasatan, penelitian dan pemeriksaan berkenaan dengan vesel, anak kapalnya, peralatan atau peralatan menangkap ikannya atau ikan yang dibawa naik ke atas vesel tersebut;
- (b) memberhentikan, menaiki dan menggeledah, dan memeriksa mana-mana vesel atau kenderaan pengangkut ikan, sama ada dalam perairan sungai atau atas darat;
- (c) menghendaki untuk dikemukakan dan memeriksa mana-mana peralatan menangkap ikan sama ada dalam perairan sungai atau atas darat;
- (d) memeriksa apa-apa kelong ikan, peranti mengumpul ikan, peralatan menangkap ikan atau kemudahan akuakultur dalam perairan sungai;
- (e) memeriksa mana-mana lesen, permit, rekod, perakuan atau apa-apa dokumen lain yang dikehendaki di bawah Enakmen ini atau di bawah mana-mana undang-undang, dan membuat salinan-salinan ke atasnya.

78. (1) Jika Pengarah atau mana-mana pegawai diberikuasa mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa seseorang telah melakukan satu kesalahan di bawah Enakmen ini,

Tempoh tangguhan.

Kuasa untuk memeriksa.

Kuasa untuk memasuki, merampas dan menangkap.

Pengarah atau mana-mana orang yang diberikuasa boleh tanpa waran –

- (a) menangkap mana-mana orang yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai telah melakukan satu kesalahan di bawah Enakmen ini;
- (b) memasuki dan menggeledah mana-mana tanah, ladang, kemudahan, premis atau tempat yang mana dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa satu kesalahan di bawah Enakmen ini telah dilakukan;
- (c) mengambil sampel mana-mana ikan yang ditemui dalam mana-mana premis akuakultur atau kemudahan akuakultur, vesel atau kenderaan;
- (d) mengambil gambar, video, rakaman audio atau membuat lakaran premis atau apa-apa barang pada premis tersebut;
- (e) memberi kawalan pada tanah, ladang, kemudahan, premis atau tempat, atau apa-apa barang pada tempat tersebut;
- (f) merampas mana-mana vesel, termasuk peralatan, alat, perabot, kelengkapan, stor dan kargo, atau apa-apa kenderaan yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai telah digunakan dalam pelakuan apa-apa kesalahan atau berkaitan dengan mana-mana kesalahan yang telah dilakukan di bawah Enakmen ini;
- (g) merampas mana-mana ikan yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai telah ditangkap dalam pelakuan satu kesalahan di bawah Enakmen ini;
- (h) merampas apa-apa bahan letupan, bebalang letupan, bahan beracun semulajadi atau bahan kimia beracun, pencemar atau alat dilarang; atau
- (i) merampas mana-mana kelong ikan, peralatan menangkap ikan, peranti mengumpul ikan atau kemudahan akuakultur yang tidak berlesen atau bahagian daripadanya.

(2) Dalam melaksanakan apa-apa rampasan di bawah subseksyen (1), Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberikuasa boleh menggunakan apa-apa kekerasan yang semunasabahnya perlu.

(3) Seseorang yang ditangkap di bawah subseksyen (1) hendaklah di bawa ke balai polis dalam masa dua puluh empat jam dan satu laporan polis dibuat.

(4) Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberikuasa hendaklah mengemukakan apa-apa jua yang dirampas di bawah Enakmen ini ke hadapan Mahkamah Magistret dalam tempoh dua puluh empat jam dari masa rampasan.

79. (1) Pengarah atau mana-mana pegawai diberikuasa yang merampas apa-apa barang atau dokumen di bawah Enakmen ini hendaklah menyediakan satu senarai geledah bagi barang-barang atau dokumen yang dirampas dan dengan segera menandatangani senarai geledah tersebut. Senarai geledah.

(2) Pengarah atau mana-mana orang yang diberikuasa hendaklah meminta orang yang daripadanya barang-barang atau dokumen-dokumen telah dirampas untuk memperaku senarai geledah tersebut. Jika mana-mana orang enggan untuk memperaku senarai geledah tersebut, Pengarah atau pegawai yang diberikuasa hendaklah membuat komen atas senarai geledah tersebut tentang keengganan itu.

80. Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberikuasa boleh memakai peruntukan Kanun Acara Jenayah bagi tujuan penyiasatan. Kuasa untuk menyiasat. Akta 593.

81. (1) Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberikuasa yang membuat penyiasatan bagi apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini, boleh dengan perintah bertulis menghendaki mana-mana orang untuk hadir di hadapan Pengarah atau pegawai yang diberikuasa bagi tujuan penyiasatan. Kuasa untuk menghendaki kehadiran saksi.

(2) Mana-mana orang yang enggan untuk mematuhi peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan satu kesalahan.

82. (1) Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberikuasa yang membuat penyiasatan di bawah Enakmen ini, boleh memeriksa secara lisan mana-mana orang yang sepatutnya mengetahui tentang fakta-fakta dan keadaan kes tersebut dan hendaklah membuat secara bertulis apa-apa pernyataan yang dibuat oleh orang yang diperiksa itu. Pemeriksaan saksi.

(2) Sebelum pemeriksaan lisan dibuat di bawah subseksyen (1), jika orang yang diperiksa adalah seorang saksi, dia hendaklah diberi amaran dengan cara-cara yang berikut –

- (a) bahawa dia adalah terikat untuk menjawab semua soalan berhubung dengan kes tersebut yang diajukan kepadanya oleh pegawai tersebut dan dia hendaklah terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan kebenaran, sama ada atau tidak pernyataan tersebut dibuat kesemuanya atau sebahagiannya pada menjawab soalan-soalan; dan
- (b) bahawa dia boleh enggan untuk menjawab apa-apa soalan yang akan mempunyai kecenderungan untuk mendedharkannya kepada pertuduhan jenayah atau penalti atau perlucuthakan.

(3) Apa-apa pernyataan yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat secara bertulis. Pernyataan tersebut hendaklah dibacakan kepadanya dalam bahasa yang mana pernyataan itu direkodkan selepas dia diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan sebagaimana yang dia kehendaki. Selepas itu, orang tersebut hendaklah menandatangani pernyataan itu atau membubuh cap jarinya mengikut mana yang berkenaan. Pegawai perakam hendaklah juga membubuh tandatangannya di atas pernyataan tersebut.

Penerimaan pernyataan dalam keterangan. Akta 593.

83. Jika mana-mana orang didakwa dengan apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini, pernyataannya hendaklah direkodkan mengikut amaran yang diberikan di bawah seksyen 113 Kanun Acara Jenayah.

Pelupusan barang-barang dirampas yang mudah rosak.

84. (1) Pengarah boleh melupuskan dalam cara yang dia sifatkan patut apa-apa barang yang dirampas jika barang tersebut tertakluk kepada pereputan semulajadi atau kerosakan yang pantas dan cepat.

(2) Pengarah hendaklah menyimpan apa-apa hasil jualan di bawah subseksyen (1) dalam mana-mana bank sehingga Mahkamah memutuskan kes itu.

(3) Kerajaan tidaklah bertanggungjawab kepada mana-mana orang bagi apa-apa kerosakan, dengan cara apa sekalipun ia disebabkan, dalam kualiti apa-apa ikan atau artikel lain yang dirampas di bawah Enakmen ini.

Rampasan dan perlucuthakan vesel, kenderaan, artikel atau barang.

85. (1) Di mana apa-apa vesel, kenderaan, artikel atau barang dirampas di bawah Enakmen ini dan tidak ada pendakwaan berkenaan dengannya, vesel, kenderaan, artikel atau barang tersebut hendaklah dipegang bagi tempoh satu bulan dari tarikh rampasan dan pada akhir tempoh itu ia hendaklah disifatkan sebagai

dilucuthak melainkan tuntutan bertulis terhadapnya diterima dalam tempoh tersebut.

(2) Walaupun tiada pendakwaan di bawah subseksyen (1), jika apa-apa tuntutan bertulis dibuat dalam tempoh satu bulan, Pengarah boleh merujuk kes itu kepada Mahkamah untuk pelupusan. Mahkamah boleh memerintahkan rampasan vesel, kenderaan, artikel atau barang yang dirampas tersebut jika ia didapati telah digunakan dalam pelakuan satu kesalahan. Peruntukan ini tidak akan terpakai jika vesel, kenderaan, artikel atau barang itu telah dicuri dan pemunya telah membuat laporan polis dalam tempoh dua puluh empat jam ia telah dicuri.

86. (1) Di mana apa-apa vesel, kenderaan, artikel atau barang dirampas di bawah Enakmen ini, sementara menunggu penyiasatan atau pendakwaan selesai, Pengarah boleh memulangkan secara sementara vesel, kenderaan, artikel atau barang tersebut kepada pemunya baginya atau kepada orang yang daripadanya milikan, jagaan atau kawalan itu telah dirampas, tertakluk kepada terma dan syarat (termasuk penggantungan permit atau lesen yang dikeluarkan di bawah Enakmen ini) sebagaimana yang boleh dikenakan oleh Pengarah, dan peruntukan jaminan yang mencukupi.

Pemulangan sementara vesel, kenderaan, artikel atau barang yang dirampas.

(2) Walau apapun subseksyen (1), jaminan yang dikemukakan di bawahnya hendaklah tidak kurang daripada jumlah nilai vesel (termasuklah peralatan, perabot, kelengkapan, stor, kargo dan peralatan menangkap ikannya), kenderaan, artikel atau barang itu.

(3) Mana-mana orang yang –

- (a) gagal menyerahkan atas kehendak kepada Pengarah vesel, kenderaan, artikel atau barang yang dipulangkan secara sementara kepadanya di bawah subseksyen (1); atau
- (b) gagal mematuhi atau melanggar apa-apa terma atau syarat yang dikenakan di bawah subseksyen (1),

adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan –

- (i) jika suatu pertubuhan perbadanan denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit; dan
- (ii) jika bukan pertubuhan perbadanan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit,

atau penjara bagi tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Kos menahan vesel, kenderaan, artikel atau barang dalam jagaan.

87. (1) Di mana apa-apa vesel, kenderaan, artikel atau barang telah ditahan dalam jagaan Kerajaan sementara menunggu penyiasatan dan pendakwaan selesai, kos penahanan vesel, kenderaan, artikel atau barang dalam jagaan tersebut hendaklah ditanggung oleh pemegang permit atau pemegang lesen atau pemunya atau nakhoda vesel itu atau bersesama.

(2) Jika pemegang permit atau pemegang lesen, pemunya, atau nakhoda vesel enggan untuk menanggung kos yang dirujuk dalam subseksyen (1), kos tersebut hendaklah didapatkan balik sebagai hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan.

Perlucuthakan dan pelupusan vesel, kenderaan, artikel atau barang.

88. (1) Jika mana-mana orang didapati melakukan satu kesalahan di bawah Enakmen ini atau melanggar syarat-syarat lesen, Mahkamah boleh, sebagai tambahan kepada apa-apa penalti lain yang boleh dikenakan –

- (a) memerintahkan bahawa vesel (termasuklah peralatan, perabot, kelengkapan, stor, kargo dan peralatan menangkap ikannya) kenderaan, artikel atau barang yang digunakan dalam pelakuan kesalahan tersebut atau yang berkaitan dengan kesalahan yang dilakukan dilucuthak; dan
- (b) memerintahkan bahawa apa-apa ikan yang ditangkap dalam pelakuan kesalahan tersebut atau hasil jualan apa-apa ikan atau artikel lain yang mudah rosak yang dirujuk dalam seksyen 84, dan apa-apa bahan letupan, bebalang letupan, bahan beracun semulajadi atau bahan kimia beracun, pencemar, peralatan menangkap ikan atau alat dilarang yang digunakan atau diingini untuk digunakan dalam pelakuan kesalahan tersebut sebagai dilucuthak.

(2) Mana-mana vesel (termasuklah peralatan, perabot, kelengkapan, stor, kargo dan peralatan menangkap ikannya), kenderaan, artikel, barang, bahan letupan, bebalang letupan, bahan beracun semulajadi atau bahan kimia beracun, pencemar, peralatan menangkap ikan, alat dilarang atau ikan yang diperintahkan untuk dilucuthak di bawah subseksyen (1) atau disifatkan atau diperintahkan untuk dilucuthak di bawah seksyen 85 hendaklah dilupuskan dengan apa-apa cara sebagaimana yang Pengarah sifatkan patut.

89. Mana-mana orang yang menentang atau dengan sengaja menghalang Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberikuasa atau gagal mematuhi mana-mana kehendak yang dibuat oleh Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberikuasa dalam pelaksanaan kuasa-kuasa dan tugas-tugasnya di bawah Enakmen ini adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

Halangan kepada Pengarah atau pegawai yang diberikuasa.

90. Mana-mana pegawai diberikuasa apabila menjalankan fungsi-fungsi atau tugas-tugasnya, atau melaksanakan kuasa-kuasanya di bawah Enakmen ini boleh atas kehendak mengemukakan surat kuasanya yang dikeluarkan oleh Pengarah.

Pegawai diberikuasa untuk menunjukkan surat kuasa.

91. (1) Tiada guaman atau tuntutan boleh dibawa terhadap Pengarah atau mana-mana pegawai yang diberikuasa berkenaan dengan apa-apa jua yang telah dilakukan atau ditinggalkan untuk dilakukan olehnya dengan suci hati dalam pelaksanaan atau merupakan pelaksanaan fungsi-fungsi, kuasa-kuasa dan tugas-tugasnya di bawah Enakmen ini.

Halangan untuk guaman atau tuntutan.

(2) Tiada guaman atau tuntutan boleh diambil terhadap Kerajaan atau Pengarah atau mana-mana pegawai diberikuasa bagi apa-apa kerosakan yang disebabkan kepada mana-mana vesel (termasuklah peralatan, perabot, kelengkapan, stor, kargo dan peralatan menangkap ikannya), kenderaan, artikel, barang yang dirampas di bawah Enakmen ini semasa melaksanakan fungsi-fungsi, kuasa-kuasa dan tugas-tugas di bawah Enakmen ini.

92. Mana-mana orang yang ditemui dalam milikan ikan yang telah ditentukan sebagai spesis dilarang atau spesis dilindungi atau spesis dikawal hendaklah dianggap dalam milikannya tanpa kelulusan Pengarah, melainkan dibuktikan sebaliknya.

Anggapan keterangan berkenaan dengan spesis dilarang atau dilindungi atau dikawal.

93. Mana-mana orang yang telah diberikuasa secara bertulis oleh Pendakwa Raya menurut seksyen 377 Kanun Acara Jenayah boleh menjalankan pendakwaan bagi apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini atau apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya.

Kuasa untuk mendakwa. Akta 593.

94. (1) Pengarah boleh mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan terhadap Enakmen ini atau apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya. Kompaun tersebut hendaklah tidak melebihi lima puluh peratus denda maksimum yang mana dengannya kesalahan boleh dihukum.

Kuasa untuk mengkompaun.

(2) Kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 23, 24 dan 26 tidak boleh dikompaun.

(3) Apa-apa pembayaran kompaun tersebut hendaklah dibuat kepada Pengarah dalam masa tujuh hari dari penerimaan notis kompaun. Atas penerimaan bayaran di bawah subseksyen (1), tiada prosiding lanjut boleh diambil terhadap orang tersebut berkenaan dengan kesalahan itu dan apa-apa barang yang dirampas berhubungan dengan kesalahan itu hendaklah disifatkan sebagai dilupuskan.

(4) Apa-apa wang yang dibayar kepada Pengarah menurut peruntukan seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Negeri.

BAHAGIAN XI

KESALAHAN-KESALAHAN DAN PENALTI

Tanggung-jawab untuk memberi bantuan.

95. (1) Pemunya atau orang yang dipertanggungjawabkan bagi mana-mana tempat, premis, kenderaan atau vesel adalah di bawah tanggungjawab untuk memberi Pengarah atau pegawai yang diberikuasa segala bantuan yang munasabah untuk membolehkan Pengarah atau pegawai yang diberikuasa menjalankan tugas-tugas dan fungsi-fungsinya di bawah Enakmen ini dan hendaklah memberikan Pengarah atau pegawai yang diberikuasa itu apa-apa maklumat sebagaimana yang dia boleh menghendaki semunasabahnya.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan,

- (a) jika suatu pertubuhan perbadanan denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit; dan
- (b) jika bukan pertubuhan perbadanan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit,

atau penjara bagi tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Adalah satu kesalahan membeli ikan yang ditangkap dengan menggunakan bahan letupan, bebalang letupan, bahan beracun semulajadi atau bahan kimia beracun.

96. (1) Tiada orang, kilang ikan, penjaja ikan, kilang baja, kilang makanan ikan, pemborong ikan, pemilik restoran, boleh membeli ikan yang ditangkap dengan menggunakan bahan letupan atau bebalang letupan atau bahan beracun semulajadi atau bahan kimia beracun.

(2) Mana-mana orang, kilang ikan, penjaja ikan, kilang baja, kilang makanan ikan, pemborong ikan atau pemilik restoran yang membeli ikan yang ditangkap dengan menggunakan bahan letupan atau bebalang letupan atau bahan beracun semulajadi atau bahan

kimia beracun hendaklah dianggap mempunyai pengetahuan bahawa ikan itu telah ditangkap dengan menggunakan bahan letupan atau bebalang letupan atau bahan beracun semulajadi atau bahan kimia beracun melainkan dibuktikan sebaliknya.

(3) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan-peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau penjara bagi tempoh tidak melebihi dua tahun.

97. Mana-mana orang, kilang ikan, penjaja ikan, kilang baja, kilang makanan ikan, pemborong ikan atau pemilik restoran hendaklah melaporkan kepada Pengarah mana-mana orang yang melanggar peruntukan seksyen 96 (1).

Tanggungjawab untuk melaporkan kesalahan-kesalahan.

98. (1) Tiada seorangpun boleh memberi maklumat palsu kepada Pengarah atau pegawainya yang diberikuasa.

Memberi maklumat palsu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subseksyen (1), adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

99. (1) Tiada seorangpun boleh merosakkan dengan sengaja atau memusnahkan mana-mana kelong ikan, peranti mengumpul ikan, peralatan menangkap ikan atau kemudahan akuakultur yang berlesen dengan sepatutnya di bawah Enakmen ini.

Merosakkan dengan sengaja belat ikan, peranti mengumpul ikan, peralatan menangkap ikan atau kemudahan akuakultur yang berlesen.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan-peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau penjara bagi tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

100. (1) Tiada seorangpun boleh menangkap ikan di perairan sungai yang mana saiz ikan itu lebih kecil daripada saiz yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Kesalahan menangkap ikan lebih kecil daripada saiz yang ditetapkan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau penjara bagi tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

101. (1) Pengarah boleh memberi apa-apa ganjaran sebagaimana yang disifatkannya patut kepada seseorang pemberi maklumat bagi apa-apa maklumat yang boleh membawa kepada penangkapan dan pendakwaan mana-mana orang yang didakwa di bawah Enakmen ini.

Ganjaran dan perlindungan kepada pemberi maklumat.

(2) Tiada nama pemberi-pemberi maklumat atau apa-apa maklumat boleh didedahkan dalam Mahkamah yang boleh membawa kepada penemuan identiti pemberi-pemberi maklumat itu.

Adalah satu kesalahan memusnahkan keterangan.

102. (1) Tiada seorangpun boleh, dalam perjalanan penyiasatan, memusnah atau meninggalkan apa-apa ikan, hidupan akuatik, labi-labi, peralatan menangkap ikan, bahan letupan, bebalang letupan, bahan beracun semulajadi, bahan kimia beracun, pencemar, alat dilarang atau apa-apa benda lain, untuk mengelakkan rampasan atau penemuan apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan seksyen ini adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan,

- (a) jika suatu pertubuhan perbadanan denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit; dan
- (b) jika bukan pertubuhan perbadanan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit,

atau penjara bagi tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Nakhoda dan pemunya vesel penangkapan ikan adalah bertanggungjawab.

103. Di mana satu kesalahan di bawah Enakmen ini dilakukan oleh mana-mana orang di atas vesel penangkapan ikan, nakhoda dan pemunya vesel itu masing-masing hendaklah dianggap mengetahui akan kesalahan tersebut, melainkan dibuktikan sebaliknya.

Hilang kelayakan memegang permit atau lesen.

104. Pengarah boleh melucutkan kelayakan mana-mana orang, syarikat atau firma yang telah disabitkan bagi satu kesalahan di bawah Enakmen ini daripada memegang permit atau lesen bagi tempoh satu tahun.

Penggunaan tidak sah permit atau lesen.

105. (1) Tiada seorangpun boleh menggunakan apa-apa permit atau lesen yang dikeluarkan atas nama orang lain.

(2) Mana-mana orang yang melanggar peruntukan seksyen ini, adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

Penalti am.

106. Mana-mana orang yang melanggar atau gagal untuk mematuhi mana-mana peruntukan Enakmen ini di mana tiada penalti khusus diperuntukkan dengan nyata, adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah atas sabitan dikenakan denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit.

BAHAGIAN XII

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN PELESENAN UMUM

107. (1) Daftar-daftar yang menunjukkan butir-butir permit dan lesen yang dikeluarkan di bawah Enakmen ini hendaklah disenggara dan disimpan di tempat atau tempat-tempat sebagaimana yang Pengarah boleh menentukan.

Daftaran
permit-
permit dan
lesen-lesen.

(2) Daftar itu hendaklah mengandungi butir-butir setiap permit dan lesen, butir-butir apa-apa penggantungan atau pembatalan permit atau lesen dan apa-apa perkara lain berhubungan dengan pentadbiran peruntukan-peruntukan Enakmen ini.

108. Semua lesen yang dikeluarkan di bawah Enakmen ini adalah sah bagi satu tahun melainkan digantung atau dibatalkan atau dinyatakan sebaliknya. Tiada fee boleh dibayar balik jika lesen digantung atau dibatalkan oleh Pengarah atau ditarik balik oleh pemegang lesen.

Keesahan
tempoh
lesen.

109. Selepas tamat tempoh satu tahun, lesen boleh diperbaharui bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun. Tiada fee boleh dibayar balik jika lesen digantung atau dibatalkan oleh Pengarah atau ditarik balik oleh pemegang lesen.

Pembaharuan
lesen.

110. Pengarah hendaklah dimaklumkan atas apa-apa pertukaran butir-butir syarikat atau pemegang permit atau pemegang lesen, dalam tempoh satu bulan daripada pertukaran tersebut. Pertukaran itu adalah termasuk pertukaran alamat, pengarah, pemegang saham atau apa-apa butir-butir yang ditunjukkan dalam permit atau lesen.

Pertukaran
butir-butir
pemegang
permit atau
pemegang
lesen.

111. (1) Tiada permit atau lesen yang dikeluarkan di bawah Enakmen ini boleh dipindahmilik.

Pindahmilik
permit atau
lesen.

(2) Walau apapun subseksyen (1), Pengarah boleh melayan permohonan bertulis. Permohonan tersebut hendaklah mengandungi alasan dan sebab bagi pindahmilik permit atau lesen itu.

BAHAGIAN XIII

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN UMUM

112. Bagi maksud Enakmen ini, Mahkamah hendaklah menganggap bahawa apa-apa peta, pelan atau carta yang dibuat oleh Kerajaan atau Kerajaan Persekutuan adalah tepat dan betul.

Anggapan
ketepatan
peta-peta,
pelan-pelan
dan carta-
carta.

113. Di mana apa-apa dokumen hendak disampaikan di bawah Enakmen ini, dokumen itu boleh disampaikan –

Penyampaian
dokumen.

(a) dengan cara penyampaian persendirian; atau

- (b) atas nakhoda vesel atau mana-mana orang yang didapati sebagai mengetuai atau yang bertanggungjawab ke atas vesel itu; atau
- (c) dengan menampal salinan dokumen itu pada mana-mana bahagian premisnya yang mudah dilihat atau vesel atau kenderaan jika orang itu tidak boleh ditemui; atau
- (d) dengan surat berdaftar yang dialamatkan kepada alamat terakhirnya yang diketahui;
- (e) mana-mana kombinasi tersebut.

Pengecualian khas.

114. Pengarah boleh, tertakluk kepada apa-apa syarat yang dia boleh kenakan, mengecualikan mana-mana orang daripada semua atau mana-mana peruntukan Enakmen ini untuk tujuan –

- (a) kajian atau latihan saintifik; atau
- (b) tinjauan atau kajian kemungkinan ekonomi apa-apa aktiviti penangkapan ikan; atau
- (c) promosi sukan menangkap ikan di Zon Pengurusan Perikanan Komuniti; atau
- (d) pemuliharaan dan pengurusan perikanan yang sepatutnya; atau
- (e) teknologi kemajuan perikanan; atau
- (f) program-program pendidikan dan kesedaran masyarakat; atau
- (g) penyusutan atau penambahan stok; atau
- (h) apa-apa tujuan lain yang diluluskan.

Maklumat untuk tujuan statistik.

115. Pengarah boleh, untuk tujuan statistik, menghendaki mana-mana orang yang terlibat dalam penangkapan ikan, pengkulturan, pemasaran atau pemprosesan untuk membekalkan maklumat sebagaimana yang dikehendaki.

BAHAGIAN XIV KUASA-KUASA MENTERI

Arahan-arahan oleh Menteri.

116. Menteri boleh memberi apa-apa arahan khusus atau umum kepada Pengarah yang tidak menyalahi Enakmen ini.

Pindaan Jadual.

117. Menteri boleh, dari semasa ke semasa, selepas berunding dengan Pengarah, melalui perintah dalam *Warta*, meminda Jadual-Jadual Enakmen ini.

118. Menteri boleh, selepas berunding dengan Pengarah, melalui perintah dalam *Warta*, membuat peraturan-peraturan secara khusus atau umum untuk pemuliharaan, kemajuan, pengurusan yang sepatutnya dan peraturan perikanan darat dan akuakultur dan boleh, khususnya, membuat peraturan-peraturan untuk semua atau mana-mana tujuan berikut –

Kuasa
membuat
peraturan-
peraturan.

- (a) untuk membuat peruntukan mengenai pelesenan, peraturan dan pengurusan apa-apa perikanan darat dan perikanan sungai yang tertentu;
- (b) untuk membuat peruntukan mengenai pelesenan peralatan menangkap ikan yang digunakan di perairan sungai;
- (c) untuk mengawalselia atau melarang apa-apa cara menangkap ikan di perairan sungai atau penggunaan atau milikan jenis-jenis tertentu peralatan menangkap ikan, dan untuk menetapkan saiz mata jaring bagi jaring ikan;
- (d) untuk mengawalselia atau melarang pembinaan, senggaraan, penandaan dan pengendalian alat menangkap ikan tetap dan belat ikan di perairan sungai;
- (e) untuk menetapkan berat dan saiz ikan yang minimum yang boleh ditangkap di perairan sungai untuk tujuan jualan, pemprosesan, makanan, atau kesukanan atau untuk melarang penangkapan apa-apa spesis ikan yang ditetapkan;
- (f) untuk menetapkan musim tertutup menangkap ikan di mana-mana kawasan yang ditetapkan, menangkap spesis ikan yang tertentu atau menangkap ikan dengan menggunakan cara-cara menangkap ikan yang tertentu di perairan sungai;
- (g) untuk menentukan kawasan-kawasan yang dilarang untuk menangkap ikan bagi semua atau spesis ikan tertentu;
- (h) untuk menggalak dan mengawalselia pengkulturan di perairan sungai dan khususnya mengadakan peruntukan bagi pemajakan dan pelesenan tanah, dan badan air seperti tasik, paya, kolam lombong dan kawasan-kawasan lain untuk pemeliharaan ikan;
- (i) untuk menetapkan standard spesifikasi, pembinaan dan pengendalian kemudahan-kemudahan akuakultur;

- (j) untuk membuat peruntukan mengenai tindakan-tindakan pencegahan dan kawalan penyakit ikan;
- (k) untuk membuat peruntukan mengenai kawalan dan peraturan terhadap spesies ikan tertentu yang boleh dihasilkan melalui penternakan;
- (l) untuk membuat peruntukan mengenai pengurusan dan pemajuan, dan penggalakan aktiviti-aktiviti akuakultur dalam Zon Industri Akuakultur;
- (m) untuk menentukan, menetapkan, menggalak, memperuntukkan atau mengawalselia apa-apa perkara lain untuk pemuliharaan, pengurusan dan peraturan sepatutnya habitat ikan;
- (n) untuk mengawalselia dan mengawal penubuhan apa-apa gelongsoran, empangan atau halangan lain bagi tujuan pemuliharaan ikan di perairan sungai;
- (o) untuk menetapkan apa-apa ikan atau jenis ikan sebagai spesies dilarang, dilindungi atau dikawal, dan bagi kawalan ikan-ikan tersebut;
- (p) untuk melarang atau mengawal pengimportan dan pengeksportan ikan air tawar;
- (q) untuk melarang dan mengawal penjualan, penternakan atau penyimpanan ikan air tawar hidup atau apa-apa spesies ikan air tawar hidup yang tertentu yang bukan berasal dari mana-mana bahagian Negeri Sabah;
- (r) untuk menetapkan kawalan, pergerakan dan pembawaan ikan air tawar dalam Negeri Sabah;
- (s) untuk mengurus, memaju, mengawal dan mengawalselia sanktuari ikan;
- (t) untuk menetapkan, menentukan, menggalak, memperuntukkan atau mengawalselia apa-apa perkara lain untuk pentadbiran, pengurusan dan peraturan sepatutnya Zon Industri Perikanan Komuniti;
- (u) untuk menggalak, mengawalselia dan menjalankan kajian saintifik;
- (v) untuk menetapkan syarat-syarat bagi apa-apa permit, lesen, perakuan, kebenaran atau dokumen-dokumen lain yang dikehendaki di bawah Enakmen ini;
- (w) untuk menetapkan borang-borang dan jumlah fee dan deposit yang kena dibayar; dan

- (x) untuk menetapkan semua perkara atau barang yang dikehendaki oleh Enakmen ini atau dibenarkan untuk ditetapkan atau yang perlu atau suaimanfaat untuk melaksanakan Enakmen ini.

BAHAGIAN XV

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN PENGECUALIAN

119. (1) Mana-mana pemilik premis akuakultur hendaklah memohon lesen dalam masa tiga bulan dari tarikh permulaan kuatkuasa Enakmen ini.

Premis akuakultur yang sedia ada hendaklah dilesen dari permulaan kuatkuasa Enakmen ini.

(2) Atas penerimaan permohonan tersebut, Pengarah atau pegawainya yang diberikuasa boleh membuat tinjauan tapak yang dinyatakan dalam permohonan tersebut dan boleh menghendaki pemohon untuk membuat ubahsuaian kepada premis akuakultur yang sedia ada.

(3) Pengarah setelah berpuashati bahawa kehendak dalam subseksyen (2) telah dipatuhi dan bahawa premis akuakultur yang sedia ada tidak melanggar mana-mana peruntukan Enakmen ini, dan atas pembayaran fee yang ditetapkan, Pengarah boleh mengeluarkan lesen.

 JADUAL PERTAMA

[Seksyen 2]

A. SPESIS DILARANG

<i>Nama Tempatan / Inggeris</i>	<i>Nama Saintifik</i>
Piranha	<i>serrasalmus/serrasalmo/ Pygocentrus/Catoprian</i>

B. SPESIS DILINDUNGI

<i>Nama Tempatan / Inggeris</i>	<i>Nama Saintifik</i>
Temoleh	<i>Probarbus jullieni</i>

C. SPESIS DIKAWAL

<i>Nama Tempatan / Inggeris</i>	<i>Nama Saintifik</i>
1. Ikan Arowana/Kelisa	<i>Scleropages spp.</i>
2. Ikan Bawal Merah	<i>Colosomma/Piaractus</i>
3. Ikan Silver Dollar	<i>Genus mylossoma</i>
4. Golden Dragon	<i>Arapaima gigas</i>

 JADUAL KEDUA

[Seksyen 2]

SENARAI PENYAKIT IKAN

Penyakit Ikan

1. Epizootic haematopoietic necrosis (EHN)
2. Infectious haematopoietic necrosis (IHN)
3. *Oncorhynchus masou* virus disease
4. Spring viraemia of carp
5. Viral haemorrhagic septicaemia
6. Viral encephalopathy and retinopathy
7. Infectious pancreatic necrosis

8. Epizootic ulcerative syndrome
9. Bacterial kidney disease
10. Enteric septicaemia in catfish
11. Piscirickettsiosis
12. Gyrodactylosis (*Gyrodactylus salaricus*)
13. Red sea bream iridoviral disease

Penyakit Moluska

1. Bonamiosis
2. Haplosporidiosis
3. Marteiosis
4. Microcytosis
5. Perkinsosis

Penyakit Krustasia

1. Taura syndrome
2. White spot disease
3. Yellowhead disease
4. Baculoviral midgut gland necrosis
5. Nuclear polyhedrosis baculoviroses (*Baculovirus panaei*) and *Penaeus monodon*-type baculovirus
6. Infectious hypodermal and haematopoietic necrosis
7. Spawner-isolated mortality virus diseases

JADUAL KETIGA

[Seksyen 2]

ALAT DILARANG

<i>Nama Tempatan</i>	<i>Nama Inggeris</i>
1. Pukat Tiga Lapis	Trammel net
2. Pukat Tunda	Trawl Net
3. Pukat Ambitan	<i>Ambitan</i>

JADUAL KEEMPAT

[Seksyen 2]

TUMBUHAN DILINDUNGI

<i>Nama Tempatan</i>	<i>Nama Sainifik</i>
1. Simpoh	<i>Dillenia excelsa</i>
2. Mali-Mali	<i>Leea aculata</i>
3. Bangkal Merah	<i>Nauclea subdita</i>
4. Kungkurad	<i>Elaeocarpus pedunculatus</i>
5. Keruing Kasugui	<i>Dipterocarpus validus</i>
6. Torukan /Sarukang	<i>Flacourtia rukam</i>
7. Marang Parang	<i>Saraca declinata</i>
8. Nunuk	<i>Ficus sp.</i>
9. Tapou-apou	<i>Commersonia bartramia</i>
10. Kutang	<i>Bredilia stipularis</i>
11. Gaagabang	<i>Melastoma malabatricum</i>
12. Babaduk	<i>Decaspermum fruticosum</i>
13. Tondorupis	<i>Antidesma ghaesambila</i>

JADUAL KELIMA

[Seksyen 11(4)]

AKTIVITI AKUAKULTUR YANG DIKECUALIKAN DARIPADA
KEHENDAK-KEHENDAK LESEN

1. Pemeliharaan buaya.
2. Pemeliharaan ikan sebelum dimakan dalam restoran dan premis lain dalam tempat penyimpanan dan tangki, dalam satu kawasan yang tidak melebihi dua puluh (20) meter persegi.
3. Pembiakan atau pemeliharaan ikan dalam kolam tanah atau konkrit yang tidak melebihi dua ratus (200) meter persegi dalam kawasan rumah kediaman.
4. Pembiakan atau pemeliharaan ikan dalam tempat penyimpanan atau tangki dalam satu kawasan yang tidak melebihi sepuluh (10) meter persegi.
5. Pembiakan atau pemeliharaan ikan di institusi pendidikan atau penyelidikan bagi tujuan penyelidikan yang diluluskan oleh Pengarah.
6. Ikan yang dipamerkan atau menjadi pameran di tempat awam.
7. Pemeliharaan ikan di sawah-sawah padi.
8. Ikan yang dikultur di kolam-kolam oxidasi yang dijalankan sebagai tindakan bioamelioratif yang diluluskan oleh Pengarah.
9. Premis akuakultur yang diselenggara oleh Jabatan Perikanan Negeri.

JADUAL KEENAM

[Seksyen 21(2)]

PERALATAN MENANGKAP IKAN YANG DIKECUALIKAN
DARIPADA KEHENDAK-KEHENDAK LESEN

1. Sauk-sauk tangan yang mudah alih.
2. Perangkap ikan atau bubu-bubu yang mana dimensi terpanjang tidak melebihi daripada satu (1) meter.
3. Kail dan peralatan pancing yang tidak lebih daripada dua (2) mata kail.
4. Mana-mana peralatan menangkap ikan yang dikendalikan atau digunakan di takungan air atau kolam milik persendirian buatan manusia.